

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"HAMPIR setiap hari kita mendengar dan membaca di dalam laman-laman media sosial tentang kejayaan anak-anak muda menerokai pelbagai bidang dalam kehidupan. Ini setentunya menjadi pembakar semangat kepada semua."

- Titah Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-13 pada 19 Zulkaedah 1439H / 1 Ogos 2018M.



Hujung Minggu قلبي في Pelita BRUNEI Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN apa jua musibah yang menimpa kamu maka ia adalah disebabkan apa yang dilakukan oleh tangan-tangan kamu dan Allah mengampunkan sebahagian besar daripada dosa-dosa kamu."
- Firman Allah dalam Surah Asy-Syura, ayat 30.

Waktu Sembahyang

IMSAK

4.44

SUBUH

4.54

SYURUK

6.11

DUHA

6.33

ZUHUR

12.17

ASAR

3.19

MAGRIB

6.20

ISYAK

7.29

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 111

15 SEPTEMBER 2018 / 5 محرم 1440

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

Masjid Ar-Rahman dirasmikan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani plak sebagai tanda perasmian pembukaan masjid baharu tersebut yang kini dikenali sebagai Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut. - Foto : Ampuan Haji Mahmud bin Ampuan Haji Tengah (Lihat muka 3 dan 4).

Oleh : Ak. Syi'aruddin

Pg. Daudin

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Ampuan Haji Mahmud Ampuan
Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke masjid baharu Kampung Tanjong Bunut bagi menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat yang pertama di masjid tersebut.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Keberangkatan Kebawah DYMM dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Ke muka 3

Kekalkan imej perkhemahan tentera yang kredibel

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 September. - Para pegawai dan kakitangan Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja (JPPK) di semua perkhemahan, diseru supaya akan dapat memahami dan seterusnya melaksanakan langkah-langkah dalam Pelan Pengurusan JPPK, ke arah mempersiapkan diri untuk transformasi atau berhijrah ke arah organisasi yang lebih dinamik dan berpotensi, dalam mengekalkan imej perkhemahan-perkhemahan

tentera yang kredibel, dipandang tinggi dan bebas daripada pencemaran, dalam pada masa yang sama membolehkan pelaksanaan tanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara.

Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof membuat seruan tersebut semasa berucap pada Majlis Pelancaran Buku Pelan Pengurusan JPPK dan

Penyampaian Sijil Pengurusan Kualiti ISO 9001 : 2015 kepada JPPK, di Dewan Wira Seni, Bangunan Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Bolkiah Garison, di sini.

Yang Berhormat turut menjelaskan bahawa bangunan Kementerian Pertahanan kini telah berusia 10 tahun pada 13 Ogos 2018 yang lalu, di mana perasmian bangunan kementerian ini telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB pada 13 Ogos 2008.

Ke muka 8

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn



Muka 5

BERANGKAT
rasmikan Pesta Konvo
Kelima UTB



Muka 7

SERAMAI 16 kelahiran
anak damit 1 Muharam
di DBM

Peranan 'Ilmu Sejarah' selaku cermin kehidupan

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'
Wassalaamu 'Ala Asyara'il
Mursaleen, Sayyidina
Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

HIJRAH adalah sebahagian daripada Sejarah Islam. Sejarah, tidak hanya merakam satu-satu peristiwa, malah mengandungi iktibar dan pengajaran. Di sinilah harga sejarah itu. Sekiranya tanpa sejarah, kita pun tidak akan tahu apa nasib Islam dan umatnya.

Di sinilah juga hikmah, Allah memerintahkan Nabi berhijrah untuk menyelamatkan Islam dan umat Islam.

Ini semua namanya ilmu : 'Ilmu Sejarah'. Perannya sungguh besar, selaku 'cermin kehidupan'. Daripadanya, kita dapat melihat gambaran keadaan, bagaimana negara dan umat pada ketika itu, dan bagaimana mereka berusaha dan berjuang? Dari sejarah juga, kita tahu siapa kawan dan siapa lawan. Semuanya terakam dalam sejarah.

Dalam Sejarah Hijrah, kita melihat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah rasul dan pemimpin, sementara Sayyidina Abu Bakar pula, sebagai teman dan pengikut yang setia. Kedua-duanya berpegang kuat kepada falsafah : Rela melakukan apa saja untuk memperoleh redha Allah.

Inilah kunci pembuka pintu langit, sehingga rahmat pun turun menyelamatkan nabi dan sahabat Baginda, dan bahkan menyelamatkan seluruh umat, berkat keikhlasan mereka.

Siapakah di antara kita pada masa ini yang sanggup berbuat demikian itu, dengan cuma berjalan kaki merentas padang sahara, mendaki dan menuruni gunung-ganang dan bukit-bukau di bawah terik matahari?

Mereka bukan berjalan sebatu dua, tetapi hampir 500km daripada Kota Mekah ke Madinah Al-Munawwarah. Bayangkanlah betapa sukarnya misi ini.

Kita boleh nampak, betapa pengorbanan yang amat mencabar ini tidak berlaku dengan sia-sia. Tetapi Allah membalasnya dengan kejayaan dan keselamatan.

Beta yakin, manakala kita umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ini mahu belajar daripada Sejarah Hijrah dan mengambil pengajaran daripadanya, maka tidak mustahil, kegemilangan umat yang telah hilang akan kembali semula ke pangkuan kita. Tetapi syaratnya, semua pemimpin dan yang dipimpin hendaklah mengikut gaya kepimpinan nabi dan gaya siapa yang dipimpin, seperti sahabat



TITAH Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Awal Tahun Hijrah 1440 pada Isnin, 1 Muharam 1440 Hijrah bersamaan 10 September 2018 Masihi di Istana Nurul Iman.

Abu Bakar As-Siddiq Radhiallahuanhu. Mereka ini mengajak umat mentauhidkan Allah sambil membawa semua yang dipimpin bersatu padu menghindari perpecahan.

Apabila ini wujud, maka kekuatan pun menjelma. Namun kekuatan di sini bukan terbatas kepada kekuatan fizikal semata-mata, tetapi nisbah bagi Allah, kekuatan itu harus datang daripada-Nya melalui kehendak dan izin-Nya, sebagaimana Al-Quran memberi isyarat dalam Surah Al-Baqarah, ayat 249, firman Allah tafsirnya : *"Berapa banyak golongan yang sedikit (yang lemah) mengalahkan golongan yang banyak (yang kuat) dengan izin Allah."*

Maknanya di sini, jika umat Islam lurus di sisi Allah, lurus kepimpinan dan lurus urus tadbir serta perjuangan mereka, maka tidak mustahil, akan berlakulah janji Allah memenangkan mereka, menang di dunia dan menang di akhirat.

Oleh itu, sebelum terlambat, umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ini, mustahaklah memuhasabah diri, di mana kita ini yang sebenarnya? Di persimpangan mana? Dan di mana kita dengan isu-isu dalaman dan isu-isu global?

Di dalam, orang masing-masing mahu hidup aman, makmur dan selamat. Tetapi melihat keluar, ada pihak-pihak yang tidak peduli saudara-saudara seagama merintih ditindas, sehingga nyawa sampai melayang dan harta

benda musnah.

Inilah yang sedang berlaku, di mana ketidakadilan menghantui dunia kita, termasuk dunia Islam sendiri. Apabila keadilan tidak ditegakkan, bererti kezalimanlah yang mengambil tempatnya. Ini, tidak dapat diterima sama sekali oleh Islam.

Islam telah mengharamkan segala macam kezaliman, dan mengutuk siapa saja yang melakukannya. Kerana itu umat Islam khususnya, hendaklah kembali semula kepada Sejarah Hijrah, mencontohi bagaimana 'Persaudaraan Seugama' pernah dijalin oleh Muslimin Muhajirin Mekah dan Muslimin Ansar di Madinah. Pernahkah persaudaraan di antara mereka ini pecah, dicemari oleh pergaduhan atau pertumpahan darah sesama sendiri? Jawabnya, tidak pernah.

Nah makanya, rahmat Allah pun turun ke atas umat Islam pada ketika itu, menjadikan hidup mereka tenteram dan harmoni, tidak mampu untuk diganggu-gugat oleh musuh-musuh.

Pada hari dan saat yang bersukut baik ini, beta dan keluarga beta mengucapkan selamat menempuh Tahun Baharu Hijrah 1440. Semoga dalam tahun ini, Allah memberkati kita semua dan negara dengan keamanan dan rezeki yang melimpah-limpah. Amin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang
Pengarang.

15 SEPTEMBER 2018 BERSAMAAN 1440 محرم 5

SUCIKAN HATI DENGAN ISTIGHFAR

ALHAMDULILAH, kita setinggi-tinggi kesyukuran ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana diberi kesempatan dan masih dipinjamkan umur yang panjang, badan yang sihat berada di awal Tahun 1440 Hijrah.

Dengan kedatangan tahun baharu ini mudah-mudahan kita akan lebih meningkatkan lagi keimanan dan ketakwaan kepada Allah serta lebih beristiqamah dalam mentaati perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya dengan mempersiapkan diri memperbanyakkan amal ibadat sebagai bekal untuk menuju kebahagiaan hidup di akhirat kelak.

Agama Islam telah mengajarkan beberapa langkah yang patut kita lakukan dalam membersihkan hati dan jiwa daripada sebarang dosa dan maksiat seperti memperbanyakkan zikir dan istighfar. Jika seseorang hamba itu sering melakukan dosa dan maksiat, maka perbuatannya itu akan menjadi penghalang dirinya untuk mendekatkan diri kepada Allah dan lebih cenderung untuk menghampirkan dirinya kepada perkara-perkara mungkar dan maksiat. Justeru itu, akal kita sayugialah diisi dengan cahaya iman dan juga dibersihkan dengan istighfar.

Apabila akal disinari dengan cahaya keimanan, maka segala kebaikan akan menghiasi kehidupan seseorang insan tetapi sebaliknya jika akal tidak dapat menerima cahaya iman lantaran dorongan hawa nafsu yang menawarkan kelazatan dan keseronokan dunia apabila hati akan mendengar pandangan akal dan untuk menentukan segala keputusan, sama ada membenarkan iman bertapak terhadap Allah atau sebaliknya.

Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengingatkan umatnya bahawa hati amat berperanan dalam menentukan kebaikan dan kejahatan. Sabda Baginda bermaksud : *"Sesungguhnya dalam diri manusia itu ada seketul daging. Jika sekiranya daging itu baik, maka baiklah seluruh anggota badannya. Namun, jika seandainya daging tersebut rosak, maka rosaklah seluruh anggotanya. Daging yang dimaksudkan adalah hati."* (Hadis Riwayat Bukhari dari Nu'man bin Basyir).

Kekerapan melakukan dosa dan memandang ringan terhadap dosa adalah antara faktor yang menyebabkan kekerasan hati. Apatah lagi memandang remeh terhadap taubat dalam kehidupan. Sebagai seorang Mukmin sewajarnya kita berusaha membersihkan hati dengan bertaubat dan memperbanyakkan beristighfar serta tidak lupa berdoa kepada Allah sebagai garis panduan. Sentiasalah kita berpegang teguh akan pesan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam agar kita sentiasa berwaspada terhadap setiap perlakuan dosa kerana ia akan meninggalkan titik hitam di hati jika ia tidak dibersihkan segera dengan taubat dan beristighfar. Jika ia berterusan maka lama kelamaan akan menutup cahaya iman yang lahir daripada kalimah syahadah yang kita lafaskan kerana kalimah terbabit menunjukkan kita kepada jalan yang perlu diikuti. Bahkan cahaya iman akan menjadi malap apabila titik hitam terbabit tidak dibersihkan sehingga menyebabkan selaput kotoran akan bertambah menebal dan memberi kesan kepada hati.

Kesimpulannya, hati yang hidup ialah hati yang sentiasa bersih dan suci daripada titik noda dan dosa. Hati perlu dididik dengan sifat mahmudah seperti ikhlas, rendah diri, dan zuhud agar ia tidak mudah dipengaruhi oleh hawa nafsu. Dengan zikrullah dapat merawat hati agar dijauhi dari penyakit keras hati.

Dan dengan kehadiran tahun 1440 Hijrah ini, marilah kita membersihkan diri dari tergelincir ataupun sengaja memperturutkan hawa nafsu dan godaan syaitan dengan memperbanyakkan istighfar. Sesungguhnya istighfar itu sangat penting dalam kehidupan dan tidak wajar diabaikan. Marilah kita beristighfar dan berdoa setiap masa semoga kita sentiasa di dalam perlindungan dan keampunan Allah jua. Semoga tahun 1440 Hijrah menjanjikan segala hikmah dan barakah kepada Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini - **Ketua Penyuntingan (Nh).**

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN 33 25 °C	34 25 °C	33 25 °C
PEKAN BANGAR 34 24 °C	34 24 °C	34 24 °C
PEKAN TUTONG 33 25 °C	34 25 °C	33 25 °C
KUALA BELAIT 34 25 °C	34 25 °C	34 25 °C

Wallahu'alam Bissawab
Jabatan KajiCuaca
Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi SEPTEMBER	HARI	Hijrah MUHARAM	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
15	SABTU	5	4.44	4.54	6.11	6.33	12.17	3.19	6.20	7.29
16	AHAD	6	4.44	4.54	6.11	6.33	12.16	3.20	6.20	7.29
17	ISNIN	7	4.44	4.54	6.11	6.33	12.16	3.20	6.19	7.28
18	SELASA	8	4.44	4.54	6.11	6.33	12.16	3.20	6.19	7.28
19	RABU	9	4.43	4.53	6.10	6.33	12.15	3.21	6.18	7.27
20	KHAMIS	10	4.43	4.53	6.10	6.32	12.15	3.21	6.18	7.27
21	JUMAAT	11	4.43	4.53	6.10	6.32	12.15	3.21	6.17	7.26

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS** 993 | **BOMBA** 995 | **PENYELAMAT** 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Masjid Ar-Rahman dirasmikan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan ketika doa dibacakan sejurus selepas menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat yang pertama di Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut (atas), manakala gambar bawah kanan, Kebawah DYMM dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada para jemaah di masjid tersebut.

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Ampuan Haji Mahmud bin Ampuan Haji Tengah

Dari muka 1

Kebawah DYMM kemudiannya dijunjung bagi menandatangani plak, diiringi dengan laungan Takbir 'Allahu Akbar' sebanyak tiga kali yang dipimpin oleh Menteri Hal Ehwal Ugama sebagai petanda perasmian pembukaan masjid baharu tersebut yang kini dikenali sebagai Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin semasa menyampaikan khutbah khas menjelaskan, wakaf ialah suatu yang diberikan untuk kepentingan dan kegunaan orang ramai dengan tujuan untuk mendapatkan kebaikan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Berwakaf, khususnya, dalam membina masjid adalah satu amalan yang mulia dan sangat digalakkan dalam Islam, jelas

Yang Dimuliakan Pehin.

Sementara Sembahyang Fardu Jumaat diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Bangunan masjid ini dibina atas sebidang tanah wakaf berkeluasan 1.48 ekar dengan menggunakan peruntukan perbelanjaan dari Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam yang berjumlah BND3,560,000.00. Ia juga merupakan masjid pertama yang dibina menggunakan peruntukan tersebut.

Keseluruhan kapasiti Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut ini boleh menampung lebih kurang 1,260 jemaah.

Selain itu, ia juga disediakan dengan kemudahan seperti Dewan Sembahyang Utama (Lelaki), Ruang Sembahyang Perempuan, Bilik Imam / Bilal, Bilik Kuliah, Bilik Mesyuarat, Bilik Serbaguna, Bilik Pentadbiran, Bilik Perpustakaan, Bilik Tetamu, Bilik P.A. System,

CCTV, Tempat Letak Kereta, Tandas dan tempat berwuduk berasingan bagi jemaah lelaki dan perempuan, Tandas Orang Kelainan Upaya bagi jemaah lelaki dan perempuan yang berasingan, Bilik Pengurusan

Jenazah, Bilik Stor dan Kelengkapan, Bilik Dapur serta Bilik Mekanikal dan Elektrikal.

Dengan pembukaan Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut ini dapat memberi

keselesaan kepada penduduk kampung atau jemaah menunaikan sembahyang fardu lima waktu dan Sembahyang Fardu Jumaat.

Ke muka 4



DENGAN pembukaan Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut dapat memberi keselesaan kepada penduduk kampung atau jemaah menunaikan sembahyang fardu lima waktu dan Sembahyang Fardu Jumaat, yang juga dihasratkan untuk kegunaan bagi kegiatan-kegiatan serta aktiviti-aktiviti keagamaan dalam meningkatkan dan mengembangkan lagi syiar Islam di kampung tersebut dan di negara ini amnya.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel bersama para jemaah kampung ketika menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat pada pembukaan masjid baharu, iaitu Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut.

Dari muka 3

Di samping itu, ia juga dihasratkan untuk digunakan oleh penduduk kampung bagi melakukan kegiatan-kegiatan serta aktiviti-aktiviti keagamaan bagi meningkatkan dan mengembangkan lagi

syiar Islam di kampung tersebut dan di negara ini amnya.

Jumlah keseluruhan kutipan Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid, Negara Brunei Darussalam yang terkumpul sehingga Jun 2018 adalah sebanyak BND8,734,944.72.

Projek seterusnya ialah Pembinaan Masjid Baharu Kampung Bukit Panggal yang sedang dalam pelaksanaan bermula pada bulan Mei 2018 yang lalu, dengan peruntukan kira-kira BND2,859,662.05. Bagi orang ramai yang

ingin menghulurkan sumbangan, bolehlah menyerahkan melalui akaun Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam menerusi nombor akaun 00-001-01-0047148 (BIBD) dan 002109403102068

(TAIB), atau menyerahkan terus kepada Urusetia Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid, Negara Brunei Darussalam, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan bergambar ramai bersama Ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut (atas kiri), sementara gambar atas kanan, Kebawah DYMM dan paduka-paduka anakanda berkenan berangkat bersama para jemaah bagi merasmikan masjid tersebut. Manakala gambar bawah kiri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin semasa menyampaikan khutbah khas dan bawah kanan, Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut yang dibina di atas sebidang tanah wakaf berkeluasan 1.48 ekar dengan menggunakan peruntukan perbelanjaan dari Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam.



Berangkat rasmi Pesta Konvo Kelima UTB



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pro Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan berangkat menyempurnakan perasmian Pesta Konvo Kelima 2018 UTB (kiri). Manakala gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan sabda perasmian Pesta Konvo Kelima 2018 UTB.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Masri Osman

TUNGKU, Khamis, 13 September. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) sekali lagi akan melahirkan graduan baharu sempena Majlis Konvokesyennya tahun ini, yang bakal menjadi peneraju dan menyumbang kepada



DYTM semasa berkenan menandatangani plak bagi menyempurnakan perasmian Kompleks Sekolah Reka Bentuk, UTB.



DYTM berkenan menerima junjung ziarah daripada pelajar-pelajar luar negara yang melanjutkan pengajian di UTB (atas). Manakala gambar kanan, DYTM mendengarkan sembah penerangan semasa berangkat melawat ruang pameran Pesta Konvo tersebut.

pembangunan negara menuju Wawasan Brunei 2035.

Seperti lazimnya, setiap tahun Pesta Konvo diadakan bagi meraikan para pelajar yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka dan bakal menerima ijazah dan diploma masing-masing pada Majlis Konvokesyen UTB hujung bulan ini.

Berangkat merasmikan Pesta Konvo Kelima 2018 UTB ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pro Canselor UTB.

Keberangkatan DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota ke UTB dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman selaku Pengerusi Majlis UTB serta Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Turut hadir pada Majlis Perasmian Pesta Konvo tersebut adalah Ahli-ahli Majlis UTB, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi, Duta-duta, Pegawai-pegawai Kanan kerajaan, staf dan pelajar UTB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

DYTM kemudian berkenan mengurniakan sabda perasmian pesta berkenaan disusuli dengan laungan takbir dan tayangan multimedia dan juga berkenan melancarkan Kompleks Sekolah Reka Bentuk, yang menampung pelajar-pelajar dari Sekolah Reka Bentuk, yang pada masa ini menawarkan dua program baharu Sarjana Muda di dalam jurusan Seni

Bina dan Rekaan Produk. DYTM seterusnya dijunjung melawat The University Shop, iaitu sebuah kedai yang menawarkan pelbagai barangan universiti yang memaparkan maskot utama UTB, iaitu Awang Jubli bin Emas (A.J.).

Dari The University Shop, DYTM berkenan berangkat menyaksikan pameran Pesta Konvo bertemakan 'π ES' yang mengandungi enam komponen utama: *Pious* (Beriman), *Professional* (Berprofesionalisme), *Passionate* (Beriltizam), *Innovative* (Berinovasi), *Engaging* (Berdaya keterlibatan) dan *Scholarly* (Berilmu).

Seperti tahun sebelumnya, tema Pesta Konvo kali ini juga memaparkan inisiatif-inisiatif dan aktiviti-aktiviti para mahasiswa, mahasiswi, bakal graduan dan juga UTB secara keseluruhan yang menjurus kepada nilai-nilai tersebut.

DYTM dijunjung menyaksikan pameran Robotik yang diberi nama The Garden of Robotics. Pameran ini menunjukkan beberapa buah projek robotik termasuk Reka Bentuk dan Teknologi dalam

Pencetakan 3D, ia menunjukkan cara-cara produk-produk 3D direka, dimodelkan dan dibentuk menggunakan pencetak 3D.

Selesai menyaksikan pameran, DYTM berkenan bergambar ramai bersama beberapa orang wakil pelajar UTB dan juga menerima pesambah daripada Majlis Perwakilan Pelajar UTB.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTM berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra dengan para pelajar UTB.

Beberapa acara telah disusun bersempena dengan Pesta Konvo UTB 2018 iaitu: Majlis Khatam Al-Quran, UTB Biggest Heroes, EKK Open Week, Pertandingan Bowling, UTB Leadership Programme, UTB Library Book Bazaar, Book Charity Donation and Adoption, UTB Film Festival, Mental Health Awareness Campaign, International Day of Peace, dan UTB Run & Cycle.

Majlis Konvokesyen 2018 UTB akan diadakan pada Sabtu, 29 September 2018 di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa.



Pesta Konvo UTB pameran enam komponen utama



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pro Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) semasa berkenan berangkat menyaksikan pameran Robotik yang dimuatkan dalam Pesta Konvo Kelima 2018 UTB (kanan). Sementara gambar kiri, Duli Yang Teramat Mulia mendengarkan sembah penerangan semasa berangkat melawat ruang pameran Pesta Konvo Kelima 2018 UTB.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Masri Osman

TUNGKU, Khamis, 13 September. - Pameran Pesta Konvo Kelima 2018 Universiti Teknologi Brunei (UTB) kali ini mengetengahkan tema ' π ES' yang mengandungi enam komponen utama: Pious (Beriman), Profesional (Berprofesionalisme), Passionate (Beriltizam), Innovative (Berinovasi), Engaging (Berdaya keterlibatan) dan Scholarly (Berilmu).

Singkatan ' π ES' berasal dari: Pious, Professional, Passionate, Innovative, Engaging, dan Scholarly.

Simbol dan nilai ' π ' digunakan secara meluas dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik. Tema ini telah dipilih dengan tujuan untuk mengetengahkan enam nilai-nilai yang perlu dihayati dan dipraktikkan oleh setiap warga universiti, bagi mencapai visi keseluruhan, iaitu untuk menjadi sebuah universiti yang memberikan impak kepada masyarakat.

Enam nilai penting tersebut ialah Beriman (Pious), Berprofesionalisme (Professional), Beriltizam (Passionate), Berinovasi (Innovative), Berdaya keterlibatan (Engaging) dan Berilmu (Scholarly).

Komponen pertama pameran - Pious (Beriman), membawa maksud warga UTB akan menerapkan dan memupuk nilai-nilai falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), dengan aspirasi untuk menegakkan akidah agama Islam dan semangat kenegaraan secara jujur dan komited, serta mengekalkan nilai-nilai murni, keperibadian berdisiplin dan berbudaya sebagai amalan

seharian dengan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

Pameran ini menunjukkan inisiatif para mahasiswa / mahasiswi dan graduan UTB dalam menjalani kehidupan pembelajaran di kampus dan kehidupan seharian mereka berdasarkan MIB. Projek yang dipamerkan berbentuk e-Book telah dihasilkan. e-Book tersebut mengandungi kumpulan doa-doa bagi warga UTB. Selain daripada itu aplikasi mudah alih seperti Bru Tausyeh dan juga Masjidku turut dipamerkan.

Sebuah komik yang membawa watak Noh hasil karya seni Dr. Malai Yunus bin Malai Yusof, salah seorang pensyarah dari Pusat Komunikasi, Pengajaran dan Pembelajaran juga turut dipamerkan, di mana karakter Noh di dalam komik tersebut mempunyai nilai-nilai MIB.

Komponen kedua pameran - Professional (Berprofesionalisme), pula melambangkan suatu nilai UTB yang mana setiap warga UTB akan mengikut kod etika sebagai landasan untuk mengawal tindak tanduk dalam semua hal ehwal urusannya, termasuk memberikan perkhidmatan yang profesional dalam kesemua aspek pekerjaan.

Pameran ini mengetengahkan strategi UTB dalam meningkatkan tahap profesionalisme para pelajar dan graduan melalui program-program akademik yang diiktiraf dan penglibatan pelajar dengan badan-badan profesional.

Pameran tersebut juga mempamerkan aktiviti-aktiviti mahasiswa / mahasiswi UTB yang mana mereka mula

mendapat pendedahan awal kepada dunia profesional melalui interaksi dalam badan-badan profesional dan telah menubuhkan Student Chapter masing-masing di UTB, termasuk IET-Student on Campus, SPE-UTB Student Chapter, PUJA-UTB Student Chapter, IchemE-UTB Student Chapter dan ImechE-UTB Student Chapter.

Sementara itu, komponen ketiga - Passionate (Beriltizam), membawa maksud warga UTB juga harus tampil dengan mempunyai dorongan semangat dan komitmen yang konsisten, demi merealisasikan misi dan visi UTB melalui keazaman yang kuat dan budaya kecemerlangan.

Pesta Konvo juga mempamerkan projek-projek bakal graduan ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama yang beriltizam, yang antaranya termasuk Gamification of Learning Management System dari Program Pengkomputeran Kreatif, Crime Record Management and Analysis using GIS dari Program Sistem Pengkomputeran, Production of 500MTD Methanol via Coal Gasification dari Fakulti Kejuruteraan, Self-Trackam dari Program Pengkomputeran Kreatif dan Cylisthub dari Program Sistem Pengkomputeran.

Komponen keempat pameran - Innovative (Berinovasi), pula menunjukkan kebolehan warga UTB dalam menghidupkan idea-idea kreatif, yang mampu menghasilkan peningkatan prestasi dan nilai tambah yang diingini untuk berkembang melalui kecekapan, kualiti dan produktiviti.

Pembudayaan daya inovasi juga dapat mengoptimalkan penggunaan sumber yang sedia ada, menerajui bidang

penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran, dan meningkatkan kecekapan dalam operasi. Projek-projek inovatif yang dipamerkan termasuk IoT Based Solar Powered Car Interior Cooling and Monitoring System, CheckMate: An Artificially Intelligent System for Assisting in Diagnosis of Minor Illnesses, Effectiveness of I-Centre dan Measuring the factors affecting entrepreneurial intention amongst UTB School of Business Students.

Komponen pameran seterusnya adalah Engaging (Berdaya keterlibatan), yang mana ia menunjukkan hasrat UTB untuk mewujudkan dan memupuk hubungan yang membangun dengan semua pihak berkepentingan melalui komunikasi yang berterusan dan saling mendokong.

Nilai daya keterlibatan ini mampu menghasilkan hubungan yang kukuh dan mampan dengan pihak berkepentingan menerusi *quadruple helix engagement*.

Pameran itu memperlihatkan penglibatan UTB dengan industri dan pendidikan dalam pelbagai tahap, serta sektor kerajaan dan awam yang turut menerangkan sebahagian usaha UTB dalam mewujudkan dan memupuk hubungan yang dinamik dengan semua pihak berkepentingan, menerusi *quadruple helix engagement*.

Antara pihak-pihak tersebut adalah Sesame World Technology STI Lab; Oil and Gas Discovery Centre (OGDC); dan Kementerian Perhubungan. Selain itu, Ahli Majlis Pelajar UTB turut mempamerkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam penglibatan masyarakat, seperti kegiatan-kegiatan sukarelawan.

Dan komponen yang akhir sekali adalah *Scholarly* yang

bermaksud Berilmu, ini membawa hasrat UTB untuk menjadi sebuah universiti yang berdedikasi dalam menyebarkan ilmu pengetahuan melalui pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan inovasi yang berkualiti tinggi.

Demi melahirkan mahasiswa, mahasiswi dan graduan yang berilmu ini, UTB menggalakkan gaya pembelajaran secara mandiri dan seterusnya membangun masyarakat yang berpengetahuan bagi mencapai matlamat dalam Wawasan Brunei 2035.

Pameran mempamerkan projek-projek terpilih oleh para bakal graduan peringkat sarjana, yang mana di antara projek yang dipamerkan adalah Assessment of Water Quality in Brunei River Catchment, Analysis of Scouring Effects on Bridge Piers dan Review of Design Guidelines on Slope in Brunei Darussalam.

Satu lagi pameran yang diadakan sempena Pesta Konvo Kelima UTB ialah pameran Robotik, yang diberi nama The Garden of Robotics. Pameran tersebut menunjukkan beberapa buah projek robotik, termasuk Reka Bentuk dan Teknologi dalam Pencetakan 3D, ianya menunjukkan cara-cara produk-produk 3D direka, dimodelkan dan dibentuk menggunakan pencetak 3D.

Selain daripada itu, Projek Cost Effective Line Following Robot for Hospital Delivery juga turut dipamerkan, yang mana projek ini menunjukkan cara pengangkutan bahan-bahan dengan cara kos efektif. Prosthetic Hand and Task-Based Control-Based Analysis juga turut dipamerkan. Projek ini memperlihatkan pembuatan Prosthetic Hand menggunakan pencetak 3D.

KHEDN sambut Majlis Awal Tahun 1440 Hijrah



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (tiga, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Keagamaan Sempena Sambutan Awal Tahun Hijrah peringkat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya yang diadakan di Masjid Kampung Lumapas.

LUMAPAS, Rabu, 12 September. - Majlis Keagamaan Sempena Sambutan Awal Tahun Hijrah peringkat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya telah berlangsung di Masjid Kampung Lumapas.

Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong. Majlis dimulakan dengan bacaan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

Doa Awal Tahun Baharu Hijrah oleh Pemangku Imam Masjid Kampung Lumapas, Awang Mohd. Salleh bin Haji Abdul Rahman.

Majlis diserikan lagi dengan ceramah khas bertajuk 'Hijrah Hati' yang disampaikan oleh penceramah undangan, Penolong Kaunselor Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Haji Ali.

Dalam ceramah yang disampaikan, beliau antara lain menyentuh mengenai sejarah dan keistimewaan Awal Tahun Hijrah.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Awang Mohd. Salleh.

Diikuti dengan penyampaian barang keperluan masjid yang

disempurnakan oleh tetamu kehormat kepada Pemangku Imam Masjid berkenaan.

Majlis keagamaan yang dikendalikan bersama oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan merupakan aktiviti tahunan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Juga hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara Daerah Brunei Muara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan di bawah KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung.

Seramai 16 kelahiran anak damit 1 Muharam di DBM



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman (kanan) menyempurnakan penyampaian hadiah kepada anak-anak damit 1 Muharam diadakan di Bilik Seminar 1 dan 2, Tingkat 2, Bangunan Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 September. - Seramai 19 anak damit telah dilahirkan di negara ini bermula masuk waktu Maghrib hingga Asar 1 Muharam 1440 Hijrah semalam.



MENTERI Pertahanan II, selaku Pemangku Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) menyempurnakan penyampaian hadiah kepada anak-anak damit 1 Muharam.

kesyukuran seperti tahun-tahun yang sebelumnya.

Di Daerah Brunei dan Muara (DBM), seramai 16 anak damit, enam lelaki dan sembilan perempuan telah dilahirkan dan anak damit pertama dilahirkan ialah dari DBM pada jam 6.55 petang.

Sehubungan itu, Majlis Pemberian Hadiah Kepada Anak-Anak Damit bersempena Sambutan Awal Tahun 1440 Hijrah Peringkat Negara bagi DBM diadakan hari ini bertempat di Bilik Seminar 1 dan 2, Tingkat 2, Bangunan Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin; Menteri Pertahanan II, selaku Pemangku Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Datin.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof; Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Mohd. Seruddin bin Haji Timbang.

Setiap seorang anak damit yang dilahirkan pada awal Muharam akan menerima hadiah berupa barangan keperluan anak damit bernilai BND200 dan buku ugama dari KHEU, Akaun Simpanan Si Manja berjumlah BND200 dan barangan anak damit bernilai BND50 daripada Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) serta Baucer Takaful Nur Savings berjumlah BND250 dan Baby Hamper daripada Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd.

Adapun di Daerah Belait, dua

Membuka landasan kerjasama pertahanan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 September. - Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menerima kunjungan hormat daripada Menteri Luar Negeri Republik Estonia, Tuan Yang Terutama Sven Mikser.

Dalam kunjungan tersebut, Menteri Pertahanan II mengalu-alukan lawatan Tuan Yang Terutama ke Negara Brunei Darussalam dan menyatakan hubungan dua hala yang mesra di antara kedua-dua buah negara.

Selain itu, ia juga diharapkan bahawa kunjungan TYT akan membuka landasan bagi kerjasama pertahanan bagi kedua-dua negara.

TYT Sven Mikser berada di Negara Brunei Darussalam pada 12 hingga 13 September 2018 untuk lawatan buat julung kalinya bagi beliau ke negara ini.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Estonia menubuhkan hubungan diplomatik pada 1 Mei 2016.

Estonia mempunyai hubungan kerjasama dengan negara-negara anggota ASEAN dan Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN), termasuk melalui rangka kerja ASEAN - Kesatuan Eropah.



MENTERI Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (kanan) semasa menerima kunjungan daripada Menteri Luar Negeri Republik Estonia, Tuan Yang Terutama Sven Mikser.

anak damit lelaki. Daerah Tutong seorang anak damit perempuan. Manakala di Daerah Temburong tiada kelahiran dicatatkan.

Untuk melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas kelahiran anak damit pada hari yang baik dan bersejarah

serta membesarkan Sambutan Awal Tahun Hijrah, majlis ini juga merupakan salah satu cara bagi menyebarkan Dakwah Islamiah dan menjadikan Takwim Hijrah terus mendapat tempat penggunaannya dari semasa ke semasa.

Buku Pelan Pengurusan JPPK dilancarkan



MENTERI Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (kiri) menyampaikan Sijil Pengurusan Kualiti ISO 9001 : 2015 kepada Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 September. - Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang

Halbi bin Haji Mohd. Yussof telah melancarkan Pelan Pengurusan Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja (JPPK) dan menyampaikan Sijil Pengurusan

Kualiti ISO 9001 : 2015 kepada JPPK.

Majlis diadakan di Dewan Wira Seni, Bangunan Pancaragam ABDB, Bolkiah Garison.

Sebagai sebahagian daripada usaha Kementerian Pertahanan untuk bekerja rapat dengan agensi dan kementerian lain dalam pendekatan keseluruhan kerajaan, Pemangku Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Kerja Raya, Dr. Rohaniyati binti POKS Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh dan Pemangku Jurutera Kerja Kanan dari Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet, Kementerian Pendidikan, Awang Iskandar bin Haji Timbang telah dijemput untuk berkongsi pengetahuan mengenai Pelan Pengurusan dan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001 : 2015.

Pelan Pengurusan JPPK bertujuan untuk membimbing JPPK dalam merealisasikan visi mereka, dengan memperkenalkan dan mengemaskini objektif-objektif yang akan menggalakkan keputusan yang lebih baik dan

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hamzah Mohidin

cekap, pelaburan yang kos efektif dan penyelesaian yang sesuai bagi tujuan tersebut. Ia juga berfungsi sebagai hala tuju untuk meningkatkan proses pentadbiran dan kecekapan teras profesional JPPK dalam lima tahun yang akan datang, bagi memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan mereka di Kementerian Pertahanan dan ABDB. Dalam ucapan beliau pada hari ini, Menteri Pertahanan II berharap dapat menyaksikan sumbangan dan kemajuan ke arah objektif JPPK.

Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001: 2015 yang dianugerahkan kepada JPPK mengesahkan bahawa jabatanarah ini telah menunjukkan kemampuannya dalam menyediakan secara konsisten produk dan perkhidmatan yang

sewajar dengan piawaian antarabangsa, melaksanakan strategi yang dirancang secara berkesan dan mempunyai sistem pengurusan yang boleh mencapai matlamat, objektif dan keperluan Kementerian. Ini merupakan kali kedua JPPK telah mencapai pensijilan ISO 9001, setelah menerima pensijilan ISO 9001: 2008 pada tahun 2009.

Turut hadir ialah Pemangku Pemerintah ABDB, Laksamana Pertama Pengiran Dato Seri Pahlawan Norazmi bin Pengiran Haji Muhammad; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Briga dier Jeneral (Bersara) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah; dan Pengerusi / Pengarah Bureau Veritas Brunei, Dr. Haji Kamaruddin Dato Seri Paduka Haji Talib.

Kekalkan imej perkhemahan tentera yang kredibel



Dari muka 1

Dalam hal ini, tegas Yang Berhormat, ternyata

MENTERI Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menyampaikan ucapannya pada Majlis Pelancaran Buku Pelan Pengurusan JPPK dan Penyampaian Sijil ISO 9001 : 2015.

JPPK berperanan besar di dalam pembangunan dan pemeliharaannya, begitu juga halnya berperanan secara langsung ataupun tidak langsung kepada kementerian ini amnya dan amatlah sukar untuk dikira daripada sudut kuantitatif dan kualitatif.

Dalam konteks ini tambahnya,

salah satu daripada usaha Jabatanarah adalah memperkenalkan perkhidmatan 'Facilities Management' (FM), yang berkualiti sejak Mei 2009 dalam melaksanakan perancangan dan pemeliharaan pelbagai prasarana dan infrastruktur di perkhemahan-perkhemahan ABDB, bagi

kebaikan dan kesejahteraan kita bersama.

"Tidak dapat dinafikan bahawa daripada usaha-usaha berkenaan telahpun banyak mencetuskan semangat kerjasama serta memupuk perpaduan dan keharmonian di seluruh lapisan warga Kementerian Pertahanan dan ABDB," ujarnya.

JPM semarak sambutan Awal Tahun Hijrah



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (lima, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Awal Tahun 1440 Hijrah Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 September. - Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya hari ini mengadakan Majlis Sambutan Awal Tahun 1440 Hijrah, bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan Jabatan Perdana Menteri.

Majlis tersebut dikendalikan bersama oleh Biro Kawalan Narkotik dan Sekretariat Jawatankuasa Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-ketua Jabatan dan warga JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan

Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Jumat.

Sejurus itu acara diteruskan dengan bacaan zikir istighfar dan selawat beramai-ramai.

Kemuncak acara ialah Ceramah Khas bertajuk 'Hijrah: Satu Kehebatan' yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Khairul Nazif bin Haji Awang Damit.

Dalam ceramahnya beliau antara lain menyentuh mengenai pelbagai keadaan hijrah, antaranya ialah hijrah

kepada rajin membaca Al-Quran, yang mana dengan membaca Al-Quran itu akan dapat membantu menyelesaikan masalah yang ada pada diri kita sendiri, dengan memohon doa dan petunjuk dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, hijrah juga boleh dalam keadaan rajin bersedekah, bagi menunjukkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala di atas rezeki yang diberikan, selain dalam bersedekah itu adalah disarankan untuk disertai dengan doa kepada Allah dengan berniat dan meminta apa yang dikehendaki itu dengan ikhlas.

"Hijrah juga boleh termasuk dalam

mengikhlaskan hati dalam beribadah, membersihkan hati dari segala sifat-sifat tercela, hasad dengki, syak wasangka yang buruk dan sebagainya," jelas beliau lagi.

Sebelum mengakhiri ceramahnya, Awang Haji Khairul Nazif juga turut menyentuh dan menyarankan kepada semua hadirin untuk sama-sama muhasabah diri, terutama dalam melakukan amal bakti kepada kedua orang tua yang masih hidup.

"Berapa ramai di kalangan kita yang sering ingat kedua ibu bapa kitani, yang sering melawat kedua orang tua kita yang masih hidup atau berapa kerapkah berziarah ke pusara kedua orang tua atau salah seorang orang tua kita yang sudah meninggal dunia," ujarnya.

Dari itu, hijrah dalam melakukan amal bakti terhadap kedua orang tua adalah sangat-sangat dituntut, sering mendoakan keselamatan dan kesejahteraan kedua ibu bapa di dunia dan akhirat, serta rajin berkunjung melawat mereka, mahupun sering berziarah ke pusara mereka yang telah pergi dan memohon doa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Jumat.

Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah ini merupakan acara tahunan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya, yang mana ia juga bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahim di kalangan warga JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis Khatam rai bakal graduan UNISSA

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 September. - Seramai 151 bakal graduan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menyertai Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran bersempena dengan Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-8, bertempat di Dewan Auditorium UNISSA, di sini.

Bakal-bakal graduan terdiri daripada 51 mahasiswa dan 100 mahasiswi dari Program Sarjana Muda, Program Diploma dan Program Peningkatan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat, diikuti dengan bacaan peserta bakal graduan yang bermula dari Surah Adh-Dhuha hingga Surah An-Nas.

Majlis diteruskan dengan bacaan Takhtim oleh para mahasiswa diikuti bacaan Doa Khatam oleh

salah seorang Graduan Program Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Usul), Awang Adee Aiman bin Haji Muhidin.

Acara diteruskan dengan Penyerahan Sijil Khatam Al-Quran kepada para graduan, disampaikan oleh tetamu kehormat diiringi dengan persembahan Dikir Marhaban.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran sempena tamat pengajian para graduan di UNISSA dibacakan oleh Graduan Sarjana Muda Bahasa Arab, Awang Muhammad Arif bin Haji Johari.

Kehadiran para ibu bapa graduan yang terlibat pada majlis ini juga menambah kemeriahan suasana dan setentunya, kegembiraan itu amat dirasai dengan pencapaian yang diperolehi, bukan hanya dalam bidang akademik malahan juga dalam bidang kerohanian.

Majlis bertujuan bagi menzahirkan rasa kesyukuran setelah mengikuti pengajian di



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman (lima, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran bersempena dengan Hafl Al-Takharruj Universiti Islam Sultan Sharif Ali Ke-8.

universiti tersebut, di samping menjunjung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Selain itu, majlis ini juga adalah sebagai pembudayaan dalam pembacaan Al-Quran di kalangan para mahasiswa, mahasiswi agar

dijadikan amalan sepanjang hayat, apatah lagi dengan amalan pembacaan Al-Quran itu akan membawa ke arah kesempurnaan akhlak yang mulia.

Majlis merupakan salah satu acara tradisi tahunan yang diungayahkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Penyelaras Aktiviti Keagamaan bagi menyemarakkan menjelang Sambutan Hafl Al-Takharruj UNISSA.

Juga hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norfarhan bin Haji Zainal, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Nadia Lee Siew Hoon binti Abdullah dan Pengarah-pengarah Kementerian Pendidikan.

Perbaiki diri dengan mengutamakan akhirat



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Motalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof (empat, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Awal Tahun Baharu Hijrah 1440 anjuran Kementerian Perhubungan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 September. -Dalam menempuh awal Tahun Baharu 1440 Hijrah, umat Islam perlu memperbaharui iman, takwa dan memperbaiki diri dengan

mengutamakan akhirat, supaya mendapat barakah dan rahmat daripada Allah dan terhindar daripada akhlak yang tidak elok.

Demikian ceramah khas bertajuk 'Akhirah First' yang disampaikan

oleh Da'ie bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Muhammad Fatin Abdul Rahman bin Kifli di Majlis Sambutan Awal Tahun Baharu Hijrah 1440 anjuran Kementerian Perhubungan yang

berlangsung di Dewan Amar Pahlawan.

Beliau juga antara lain menyentuh mengenai keinginan manusia untuk menjadi yang terbaik dalam semua aspek kehidupan, dengan mendahulukan amalan-amalan bagi menuju akhirat.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Motalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dr. Awang Haji Supry bin Haji Awang Ladi, pengarah-pengarah, ketua-ketua jabatan dan pegawai serta kakitangan Kementerian

Perhubungan, jabatan-jabatan dan pihak-pihak berkuasa di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan Kementerian Perhubungan, Awang Abdul Ghani bin Haji Othman selaku pengerusi bersama majlis.

Majlis turut diselenggarakan dengan Dikir Marhaban bagi meraikan kepulangan jemaah haji, yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan.

Sambutan ini bukan sahaja sebagai majlis perkongsian ilmu agama, tetapi juga bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara warga Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan serta pihak-pihak berkuasa di bawahnya.

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

Negara tuan rumah Sidang MASTERA

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 September. - Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah bagi Sidang Ke-24, Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) yang berlangsung selama dua hari bermula 14 September hingga 15 September.

Sehubungan itu, Majlis Pembukaan sidang tersebut diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini.

Pembukaan sidang tersebut dihadiri oleh ketua-ketua perwakilan dari anggota MASTERA, iaitu Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak, selaku Pengerusi MASTERA Brunei Darussalam; Kepala Pusat Pengembangan dan Perlindungan Bahasa, Indonesia, Dr. Hurip Danu Ismadi, selaku Pengerusi MASTERA Indonesia;

Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia, Datuk Haji Abdul Adzis bin Abas, selaku Pengerusi MASTERA Malaysia; dan Timbalan Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura, Profesor Madya Dr. Hadijah binti Rahmat, selaku Pengerusi MASTERA Singapura.

Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka dalam ucapannya antara lain mengalu-alukan kehadiran perwakilan dan delegasi Indonesia, Malaysia dan Singapura ke Negara Brunei Darussalam, sebuah negara yang dikenali sebagai sebuah negara yang aman, *Abode of Peace* atau dikenali sebagai The Tiny Kingdom of Borneo sebuah negara kecil yang hanya berkeluasan 5,765km per segi dan hidup di bawah payung



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak, selaku Pengerusi Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) Brunei Darussalam bersama ketua-ketua perwakilan dari anggota MASTERA hadir pada Majlis Pembukaan Sidang MASTERA Ke-24.

Melayu Islam Beraja.

Antara yang diperbincangkan semasa pembukaan sidang tersebut ialah, meneliti jadual dan agenda

Sidang Ke-24 MASTERA, di samping itu membincangkan perkara-perkara yang berbangkit dalam Keputusan Umum

Sidang Ke-23 MASTERA yang diadakan di Jakarta, Indonesia pada 13 September hingga 14 September 2017.



Lazimkan diri dengan istighfar

dalam membersihkan hati dan jiwa daripada sebarang dosa dan maksiat seperti memperbanyakkan zikir dan istighfar. Ketahuilah, sesungguhnya jika seseorang hamba itu sering melakukan dosa dan maksiat, maka perbuatannya melakukan dosa dan maksiat itu akan menjadi penghalang dirinya untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan ia lebih cenderung lagi untuk menghampirkan dirinya kepada perkara-perkara mungkar dan maksiat. Oleh itu, perbanyakkanlah taubat dan istighfar kerana dengan istighfar boleh menjadikan jiwa, hati dan fikiran tunduk kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk memohon ampun atas segala dosa yang telah dilakukan. Dan Allah Subhanahu Wata'ala telah memerintahkan hamba-hamba-Nya supaya sentiasa beristighfar dan memohon keampunan kepada-Nya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mu'min, ayat 55 :

Tafsirnya :

"Dan mohonlah keampunan bagi dosamu serta bertasbihlah dengan memuji Tuhan-Mu pada waktu petang dan pagi."

Sesungguhnya banyak fadilat atau kelebihan yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala bagi mereka yang mengamalkan istighfar. Antaranya :

Pertama : Memperolehi kecintaan Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 222 :

Tafsirnya :

"Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertaubat dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri."

Kedua : Allah Subhanahu Wata'ala memberi nikmat dengan kurniaan-Nya yang berupa keluasaan rezeki dan kesenangan hidup, sebagaimana dalam sebuah hadis riwayat Al-Imam Abu Daud :

Maksudnya :

"Daripada Ibnu Abbas Radiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Sesiapa yang selalu beristighfar nescaya Allah akan menjadikan baginya kemudahan bagi setiap kesempatan, kesenangan bagi setiap kesedihan dan memberinya rezeki tanpa diduga olehnya."

Ketiga : Allah Subhanahu Wata'ala menjanjikan Syurga bagi mereka yang memohon keampunan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan menyesali atas segala perbuatannya.

Di dalam Al-Quran dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam banyak mengajar tentang doa-doa yang mengandungi lafaz istighfar antaranya ialah penghulu Istighfar. Daripada Shadat bin Aus Radiallahuanhu daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Sesungguhnya istighfar yang paling baik adalah kamu mengucapkan" :

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِعَظَمَتِكَ عَلَيَّ، وَأَبُوءُ بِدَنِّي، فَاعْفُ عَنِّي يَا فَائِدَ الْغُيُوبِ الدُّنُوبِ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah Engkau adalah Tuhanku tiada Tuhan melainkan Engkau, Engkau menciptakan aku dan aku adalah hamba-Mu, aku tetap pada ikutan-Mu dan janji-Mu selagi aku mampu. Aku berlindung kepada-Mu daripada kejahatan yang aku lakukan. Aku mengakui dengan nikmat-Mu kepadaku dan aku mengakui dosa-dosaku, maka ampunilah aku. Tiada yang mengampunkan dosa-dosa kecuali Engkau."

Baginda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Siapa yang beristighfar seperti itu pada siang hari dengan penuh keimanan kemudian ia mati sebelum malam tiba, maka ia akan masuk syurga dan siapa yang beristighfar seperti itu pada malam hari dengan penuh keimanan kemudian dia mati sebelum pagi tiba, maka ia akan masuk syurga (Riwayat Imam Al-Bukhari).

Walau bagaimanapun, terdapat juga lafaz doa-doa dan istighfar yang mudah dan sering digunakan seperti :

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ

Ertinya :

"Aku memohon ampun kepada Allah, tiada Tuhan kecuali Dia, yang tetap hidup dan kekal dan aku bertaubat kepada-Nya."

رَبَّنَا قَاغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَكَفِّرْ عَنَّا سَيِّئَاتِنَا وَتَوَقَّنَا مِنَ الْآثَرِ

Ertinya :

"Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah bagi kami dosa-dosa kami dan hapuskanlah daripada kami kesalahan-kesalahan kami dan matikanlah kami bersama orang-orang yang bertakwa yang banyak

berbuat kebajikan."

رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنْفُسَنَا وَإِنْ لَمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ

Ertinya :

"Wahai Tuhan Kami! Kami telah menganiaya diri kami sendiri. Dan kalau Engkau tidak mengampunkan kami dan memberi rahmat kepada kami nescaya jadilah kami daripada orang-orang yang rugi."

Perintah taubat dan istighfar itu bukan hanya bagi orang yang berdosa, malah kita semua dituntut untuk sentiasa bertaubat dan beristighfar serta jangan sekali-kali berputus asa dengan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Subhanahu Wa Wata'ala dalam Surah Az-Zumar ayat 53 - 54 :

Tafsirnya :

"Katakanlah "(Sampaikanlah firman-Ku ini wahai Nabi Muhammad) : Wahai hamba-hamba-Ku yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa semuanya. Sesungguhnya Dialah yang Maha Pengampun lagi Maha Pengasih. Dan kembalilah (bertaubatlah) kepada Tuhan kamu serta berserah dirilah kepada-Nya sebelum datang azab ke atas kamu, kemudian kamu tidak dapat akan diberikan pertolongan."

Sesungguhnya istighfar itu sangat penting dalam kehidupan, maka tidak sewajarnya ia diabaikan apatah lagi dilupakan. Oleh itu, marilah kita sentiasa beristighfar pada setiap masa dan ketika serta berdoa memohon perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala, mudah-mudahan segala taubat dan istighfar kita diterima Allah Subhanahu Wata'ala dan memperolehi kebahagiaan dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Nuh ayat 10 - 12 :

Tafsirnya :

"Maka aku berkata (kepada mereka) : Mohonlah ampun kepada Tuhan kamu, sesungguhnya Dia adalah Maha Pengampun. Jika kamu berbuat demikian, nescaya Dia akan mencurahkan hujan yang lebat kepada kamu. Dan Dia membanyakkan harta dan anak-anak kamu dan Dia akan mengadakan untuk kamu kebun-kebun serta mengadakan untuk kamu sungai-sungai (yang mengalir di dalamnya)."

Gunakan bahan-bahan kepentingan nasional dengan betul



PENGAWAI Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya semasa menyampaikan taklimat program tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 September. - Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan hari ini meneruskan 'Jerayawara Penggunaan Banner, Bendera dan Bahan-Bahan Yang Mempunyai Kepentingan Nasional' sesi keenam bertempat di Dewan

Silatullah, Pusat Belia, di ibu negara.

Objektif jerayawara itu adalah untuk meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan kesedaran awam mengenai penggunaan banner, bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional, demi menjaga kehormatan negara, menanam

tanggungjawab menghormati dan melindungi integriti bendera negara dan panji-panji Negara Brunei Darussalam pada setiap masa, dan memastikan penggunaan banner, bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional dilaksanakan mengikut garis pandu dan tatacara yang betul.

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

Program jerayawara itu diisi dengan sesi taklimat, yang disasarkan kepada pengurus-pengurus syarikat terpilih, termasuk pengusaha kecil, terdiri daripada belia-belia di seluruh negara dan diadakan sebanyak enam kali setahun.

Taklimat disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya yang menyentuh mengenai tatacara yang betul dalam penggunaan banner, pengibaran Bendera Negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional.

Dalam sesi taklimat berkenaan juga penjelasan secara terperinci mengenai lambang kerajaan (panji-panji) yang terdapat dalam Bendera Negara.

Seramai lebih kurang 50 peserta yang terdiri daripada pengurus dan syarikat-syarikat perniagaan

di kawasan perniagaan Bandar Seri Begawan telah hadir di sesi jerayawara berkenaan.

Turut hadir selaku ahli panel bagi sesi soal jawab ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Adat Istiadat Negara; Jabatan Peguam Negara; Jabatan Bandaran dan Unit Stor dan Perbekalan, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan.

Selain program jerayawara itu, Jabatan Penerangan juga giat mengendalikannya Taklimat Kenegaraan ke Sekolah-sekolah Menengah Kerajaan dan swasta, Kempen Menghayati Bendera semasa Hari Kebangsaan dan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Program Bersua Muka bersama Majlis Perundingan Mukim (MPM) dan Majlis Perundingan Kampung (MPK).

Jepun - ASEAN kukuhkan hubungan pertahanan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

NAGOYA, JEPUN, Rabu, 12 September. - Para pegawai kanan dari Kementerian Pertahanan negara-negara anggota ASEAN dan ASEAN Sekretariat telah dijemput untuk menghadiri Japan - ASEAN Defense Vice-Ministerial Forum Ke-10 yang berlangsung di Nagoya, Jepun.

Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Pertahanan, Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah.

Forum tersebut dipengerusikan oleh Naib Menteri Pertahanan bagi Hal Ehwal Antarabangsa, Kementerian Pertahanan Jepun, Tuan Yang Terutama Ro Manabe. Forum yang dihoskan oleh Jepun itu, berfungsi sebagai platform untuk negara-negara ASEAN dan Jepun untuk mengukuhkan dan menjalin ikatan yang lebih erat antara negara-negara.


Forum pada tahun ini memberikan tumpuan kepada tiga topik utama, iaitu 'Challenges in and Efforts for Sharing Universal Values Centred at the Rule of Law',

'Challenges and Efforts in Coping with Disasters' dan 'Vision for Further Deepening Japan - ASEAN Defence Cooperation'.

Berikutan tiga sesi tersebut, satu ucapatama khas mengenai kerjasama pertahanan Malaysia di bawah pentadbiran Perdana Menteri Tun Mahathir telah disampaikan oleh Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Haji Mohammad bin Sabu.

Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar juga mengambil peluang untuk mengadakan mesyuarat dua hala dengan rakan sejawat beliau.

Semasa mesyuarat-mesyuarat dua hala tersebut, Negara Brunei



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Pertahanan, Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah (kanan) mewakili Negara Brunei Darussalam menghadiri Japan - ASEAN Defense Vice-Ministerial Forum Ke-10 di Nagoya, Jepun.

Darussalam menyatakan sokongan dan komitmen untuk meningkatkan hubungan pertahanan yang sedia ada.

Para delegasi turut membuat

lawatan ke Gifu Works of Kawasaki Heavy Industry, yang mana merupakan salah satu pengeluar utama sistem pesawat dan angkasa di Jepun.



PAKAR Oftalmologist (Pembedahan Mata) tempatan, Dr. Hajah Helena binti POKSJDH Haji Huraiah semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 September. - Hari Penglihatan Sedunia (WSD) merupakan hari kesedaran antarabangsa, yang diadakan setiap tahun pada minggu kedua hari Khamis pada bulan Oktober bagi memberikan tumpuan kepada isu global mengenai mengelak kebutaan dan kecacatan penglihatan.

Ia diselenggarakan oleh International Agency for Prevention of Blindness (IAPB) yang jatuh pada 11 Oktober tahun ini dengan bertemakan 'Penjagaan Mata Di Mana-Mana' (Eye Care Everywhere).

Sehubungan dengan itu, Kementerian Kesihatan melalui

Karnival Mini Hari Penglihatan Sedunia, 14 Oktober 2018

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Pusat Mata di Hospital RIPAS akan menganjurkan Karnival Mini Hari Penglihatan Sedunia 2018 yang akan diadakan pada Ahad, 14 Oktober depan.

Antara aktiviti yang akan dijalankan ialah *blindfolded walk*, permainan interaktif, pengalaman simulasi kerosakan visual selain daripada pemeriksaan mata secara percuma dan jerayawara mengenai khidmat nasihat penjagaan mata dan sebagainya.

"Bekerjasama dengan NGO tempatan seperti Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNAB), kami berhasrat untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pencegahan dan penjagaan penyakit mata dan membasmi apa-apa stigma sosial yang mungkin ada di antara keadaan mata yang biasa boleh dirawat seperti squints dan katarak," jelas Dr. Hajah Helena binti POKSJDH Haji Huraiah semasa siri temu bual mengenai 'Penjagaan Mata Di Mana-Mana - Pengalaman Oftalmologist tempatan di Mongolia' yang berlangsung di Dewan Afiat, Kementerian Kesihatan, di sini.

Beliau merupakan seorang Pakar Oftalmologist (Pembedahan

Mata) tempatan yang terlatih daripada United Kingdom khusus dalam bidang Oftalmologi Pediatrik dan Strabismus (gangguan pergerakan mata).

Beliau memperoleh Bachelor of Medicine and Surgery (MBBS) dari King's College London GKT School of Medical Education in 2006 dan telah menjalani latihan kepakaran mata di London Deanery School of Ophthalmology, dan pernah bekerja di salah sebuah institusi perubatan terkenal di Moorfield's Eye Hospital.

Dr. Hajah Helena baru-baru ini telah menamatkan bidang Oftalmologi Pediatrik dan Strabismus di St. Thomas Hospital, London, yang mana beliau lebih cenderung pada kepentingan bidang oftalmologi antarabangsa serta pendidikan dan latihan perubatan.

Pengalaman beliau menyertai projek Antarabangsa ORBIS di Mongolia pada 12 - 16 Ogos 2018 yang lalu membuatkan beliau merasa rendah diri, bertenaga dan bermotivasi, bukan sahaja dari kemampuan dan pengetahuan klinikal diri sendiri kepada pakar Oftalmologist Mata di Mongolia tetapi lebih penting lagi pertukaran pengalaman bersama pakar-pakar mata di sana dan bersama para pesakit.

"Ia telah menjadikan saya lebih fleksibel, berpikiran terbuka, sensitif, yang pastinya akan menjadi manfaat apabila saya

kembali ke Brunei selepas dua dekad berada di United Kingdom, selain itu dapat belajar dari para pakar dari fakulti sukarelawan dan menjalin hubungan persahabatan dan bimbingan profesional adalah sangat mengagumkan dan saya berterima kasih kerana berpeluang menjadi sebahagian daripada komuniti global yang berpengalaman," ujarnya.

Menyentuh mengenai masa depan untuk Negara Brunei Darussalam, Dr. Hajah Helena menjelaskan, bila mana beliau pernah ditanyakan tentang bagaimana beliau akan mengubah sesuatu sekembalinya beliau ke negara ini.

Jelasnya, Negara Brunei Darussalam sudah mempunyai sistem kesihatan penjagaan mata yang terbaik dan dengan mana-mana sistem, namun kita harus berusaha untuk memberikan penambahbaikan secara berterusan.

Dari perspektif Oftalmologi Pediatrik, beliau ingin bekerjasama rapat dengan Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak di Hospital RIPAS dan perkhidmatan kanak-kanak di seluruh negara untuk memastikan kanak-kanak ini mempunyai akses tanpa batasan bagi pemeriksaan awal penglihatan (*early vision screening*).

Pembangunan visual pada kanak-kanak adalah masa yang kritikal dan jika masalah dapat

dikesan terlebih awal, maka semakin baik kemungkinan hasil visual yang optimum dicapai.

"Pemeriksaan visual adalah paling berkesan apabila dilakukan secara berkala sepanjang zaman kanak-kanak dengan pemeriksaan pertama yang idealnya berlaku ketika anak itu baru lahir," jelasnya lagi.

Kami mempunyai pasukan orthoptists yang hebat (profesional yang terlatih untuk menilai dan mengurus keabnormalan gerakan mata kanak-kanak dan dewasa) dan optometris di Pusat Kesihatan Mata di RIPAS, dari itu beliau merasa optimis bahawa mereka dapat menyediakan perkhidmatan berkualiti tinggi kepada pesakit dewasa mahupun kanak-kanak.

Harapan masa depan beliau bagi negara ini ialah agar dapat membentuk kerjasama yang erat dengan organisasi tempatan dan antarabangsa untuk terus meningkatkan pendidikan dan latihan perubatan yang ada di negara kita.

"Dan ini merupakan masa yang sesuai untuk kembali ke negara ini, terutamanya berdasarkan titah terbaharu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Kebangsaan NBD Ke-34 mengenai kepentingan generasi muda yang mula maju dan memimpin pembangunan negara kita," ujarnya mengakhiri temu bual.

Takmir Masjid Kg. Batu Marang adakan lawatan sambil belajar

Berita dan Foto : Ihsan Awang Haji Mohammad Isa Haji Marsidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 September. - Ahli Jawatankuasa Eksekutif Takmir Masjid Kampung Batu Marang telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Majlis Perundingan Kampung (MPK) Mumong dan

MPK Lorong 3 Selatan Seria.

Menurut kenyataan Awang Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi selaku Pegawai Perhubungan Lawatan menyatakan bahawa seramai 55 ahli rombongan turut serta dalam lawatan kali ini yang

diketuai oleh Imam Masjid Kampung Batu Marang, Awang Muhammad Sharine Hadiman bin Sahari dan disertai oleh Jawatankuasa Takmir, Ahli Muslimah, Belia dan Beliawanis, jemaah dan penduduk Kampung Batu Marang dan sekitarnya.

Rombongan telah disambut oleh Pemangku Ketua Kampung

Mumong 'A', Awang Haji Sulaiman bin Haji Udin dan Pemangku Ketua Kampung Mumong 'B', Awang Haji Haslie bin Awang Ering.

Dalam lawatan ke MPK Mumong ini, ahli rombongan telah diberikan taklimat ringkas profile mengenai Kampung Mumong oleh Awang Haji Haslie bin Awang

Ering. Kemudian ahli rombongan dibawa ke pameran dan ditunjuk cara pembuatan kuih bahu.

Lawatan diteruskan lagi ke MPK Lorong 3 Selatan Seria yang mana ahli rombongan telah disambut oleh Ketua Kampung Lorong 3 Selatan Seria, Awang Haji Saidin bin Haji Ibrahim.

Ahli rombongan telah diberikan taklimat oleh Setiausaha MPK, Awang Hassan bin Masri yang telah menerangkan mengenai produk yang diusahakan, iaitu sasagun, acar buah, acar timun dan acar peria.

Di samping lawatan yang diadakan ahli rombongan juga singgah ke Gerai Tudong Saji dan Masjid Pekan Seria.



ROMBONGAN Ahli Jawatankuasa Eksekutif Takmir Masjid Kampung Batu Marang semasa lawatan ke Majlis Perundingan Kampung Lorong 3 Selatan Seria.

Dua anak damit Awal Tahun Hijrah Daerah Belait diraikan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman (duduk, dua dari kiri) dan isteri bergambar ramai bersama dua keluarga yang menyambut kelahiran anak damit pada 1 Muharam 1440 Hijrah.

KUALA BELAIT, Rabu, 12 September. - Seramai dua anak damit telah dilahirkan pada 1 Muharam 1440 Hijrah bagi Daerah Belait.

Anak-anak damit yang baru lahir tersebut digelar anak

damit 1 Muharam dan kelahiran mereka disambut dengan penuh kesyukuran seperti tahun-tahun yang lalu.

Untuk melahirkan rasa syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala di atas kelahiran anak damit pada

hari yang baik dan bersejarah serta membesarkan Sambutan kedatangan Awal Tahun Hijrah, satu Majlis Pemberian Hadiah Kepada Anak-anak Damit Yang Lahir Pada 1 Muharam 1440H sempena Sambutan Awal Tahun

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

1440 Hijrah Peringkat Negara bagi Daerah Belait telah berlangsung di Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman dan isteri yang seterusnya menyampaikan hadiah berupa barangan keperluan anak damit bernilai BND200 dan Buku Ugama daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Akaun Simpanan Si Manja berjumlah BND200 dan Barangan anak damit bernilai BND50 daripada Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB).

Mereka juga menerima Baucer Takaful Nur Savings berjumlah BND250 dan Baby Hamper daripada Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd.

Pasangan pertama, Dr. Najamuddin dan isterinya

Sumaira, anak lelaki mereka merupakan anak pertama yang lahir pada 1 Muharam, memiliki berat 3.330kg, sementara pasangan Awang Mohammad Amin bin Osmandi dan isterinya Dayang Ermma Nurawaziella binti Nordin, anak damit kedua lahir dengan berat 3.34kg.

Juga hadir pada majlis tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin selaku Penghulu Mukim Liang, Daerah Belait; Pemangku Pegawai Daerah Belait serta pegawai-pegawai kerajaan.

Majlis diserikan dengan Dikir Marhaban dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Majlis juga merupakan salah satu cara bagi menyebarkan dakwah Islamiah dan menjadikan Takwim Hijrah terus mendapat tempat penggunaannya dari semasa ke semasa.

Tutong raikan anak damit Awal Tahun Hijrah

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Rabu, 12 September. - Seorang anak damit perempuan telah dilahirkan pada 1 Muharam 1440 Hijrah bersempena dengan Awal Tahun Hijrah 1440H di Daerah Tutong.

Anak damit berkenaan disambut dengan penuh kesyukuran pada Majlis Pemberian Hadiah Kepada Anak-Anak Damit Yang Lahir Pada 1 Muharam 1440 Hijrah sempena Sambutan Awal Tahun 1440 Hijrah Peringkat Negara bagi Daerah Tutong yang berlangsung di ruang legar Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Daerah Tutong, di sini.

Anak damit berkenaan merupakan anak kepada pasangan Awang Zeimey bin Haji Ahim dan Dayang Jaayah binti Haji Yahya.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah ialah Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan.

Setiap anak damit yang dilahirkan pada awal Muharam akan menerima hadiah barangan keperluan anak damit bernilai BND200 dan Buku Ugama daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama; Akaun Simpanan

Si Manja berjumlah BND200 dan Barangan anak damit bernilai BND50 daripada Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); dan Baucer Takaful Nur Savings berjumlah BND250 dan Baby Hamper daripada Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd.

Selain daripada untuk melahirkan rasa syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala di atas kelahiran anak damit pada hari yang baik dan bersejarah serta membesarkan sambutan kedatangan Awal Tahun Hijrah, majlis ini juga merupakan salah satu cara bagi menyebarkan dakwah Islamiah dan menjadikan Takwim Hijrah terus mendapat tempat penggunaannya dari semasa ke semasa.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan (kanan) menyampaikan hadiah barangan keperluan anak damit kepada Awang Zeimey bin Haji Ahim.

Sastera jambatan pengukuh perpaduan bangsa



DR. Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid (kanan) semasa membentangkan ucapatama bertajuk 'Sastera Pengukuh Perpaduan Asia Tenggara : Satu Catatan Pinggir'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 September. - Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara (SAKAT) antara kegiatan Majlis Kesusasteraan Asia Tenggara (MASTERA) yang merupakan kegiatan dwitahunan yang dianjurkan bersama oleh negara-negara pendiri MASTERA, iaitu Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam.

Pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah bagi MASTERA sekali gus turut

menyelenggarakan SAKAT buat kali ketiga dengan tema 'Sastera Pengukuh Perpaduan Asia Tenggara'.

Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak dalam ucapan alu-aluannya pada Majlis Perasmian SAKAT dan Forum Penulis Sasterawan Tamu / Asuhan MASTERA 2018 yang diadakan di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), menjelaskan tema diangkat untuk melihat peranan sastera dalam

menguatkan perpaduan sesebuah negara termasuk negara-negara Asia Tenggara.

Tambahnya, sastera mempunyai peranan yang signifikan sebagai jambatan pengukuh perpaduan bangsa, apatah lagi anggota MASTERA terdiri daripada rumpun yang sama, bahasa dan budaya yang sama yang tentunya memudahkan kerja untuk mencapai objektif yang sama-sama diharapkan.

Majlis diteruskan dengan sesi pembentangan ucapatama yang disampaikan oleh Dr. Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid, penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (S.E.A Write Award) 2003 dengan tajuk pembentangannya 'Sastera Pengukuh Perpaduan Asia Tenggara : Satu Catatan Pinggir'.

Beliau antara lain mengulas mengenai kebiasaan golongan penggiat sastera, aktivis dan audiens yang kadang-kadang terlepas pandang tentang objektif dan tafsiran sastera dan tentu sekali kesusasteraan yang mana akibatnya karya-karya yang lahir dan dibaca tidak menjadi sumur atau serana berfikir, merenung dan mengambil iktibar daripadanya.

Maka jelas beliau lagi, terjadilah persoalan yang berpanjangan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

apakah karya sastera itu untuk sastera yakni sastera untuk seni atau sastera untuk masyarakat yang selalu ditafsirkan sastera sebagai penghibur, bahan lucuan dan seumpamanya.

Dalam persoalan ini tambahnya, kadang-kadang ada golongan yang berpihak satu arah dan mengalpakan golongan yang lagi satu, padahal sastera untuk seni dan sastera untuk masyarakat adalah saudara kembar yang lahir yang tidak ada tumpang tindihnya.

"Keperluan untuk kembali lagi mempersoalkan apa itu sastera atau kesusasteraan bukanlah sesuatu yang mendesak namun perhatian harus juga dijadikan lepas landas agar kita faham tentang di mana kita bertolak dan tahu apa tujuannya," ujar beliau lagi.

Mengambil aspek perpaduan dalam kalangan Negara-negara Asia Tenggara, SAKAT tidak hanya didominasi oleh cendekiawan dan peminat sastera daripada negara anggota MASTERA sahaja tetapi turut

dilaratkan kepada para intelektual, cendekiawan dan peminat sastera luar seperti dari Negara Republik Rakyat China, Jepun, Australia, Amerika dan Eropah.

Seminar dua hari itu turut mengetengahkan beberapa perkongsian ilmu dengan membincangkan sub tema seminar antaranya Pembangunan Sosial Melalui Strategi Budaya; Sastera dan Industri Kreatif; Pengukuhan Nilai Kepimpinan Melalui Sastera; Media Baharu Sebagai Penunjang Kesusasteraan; Sastera dan Perubahan Sosial Global Abad Ke-21; dan Sastera dan Citra Bangsa.

Pada hari kedua seminar pula akan turut diselenggarakan satu forum iaitu Forum Penulis Sasterawan Tamu / Asuhan MASTERA 2018 yang bertemakan 'Pementapan Sastera dalam Revolusi Industri 4.0' dengan menghimpunkan para penulis untuk mengongsi pengalaman dan hasil penulisan serta kejayaan yang telah mereka kecapai selama hampir 20 tahun kewujudan MASTERA.

Program Bas Belia bentuk belia syumul dan cemerlang

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

TUTONG, Rabu, 12 September. - Seramai 42 belia daripada Program Bas Belia 2018 meneruskan lagi lawatan mereka ke Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, di sini.

Hadir menyambut kedatangan para peserta ialah Pemangku Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Haizul Rizal bin Haji Yahya selaku wakil Pegawai Daerah Tutong.

Atur cara dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Awang Haizul Rizal yang antara lain menjelaskan mengenai Daerah Tutong dan beberapa tempat menarik di daerah tersebut.

Para peserta program seterusnya dijemput untuk melawat galeri Satu Produk Satu Kampung (1K1P) yang terletak di bangunan Jabatan Daerah berkenaan, sebelum mengadakan sesi bergambar ramai bersama

Pemangku Penolong Pegawai Daerah Tutong.

Program yang dikelolakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Kementerian Pendidikan; Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama Jabatan Daerah di keempat-empat daerah merupakan salah satu langkah permulaan menuju ke arah percambahan program ke peringkat Borneo dan mengorak pembentukan belia yang Syumul dan cemerlang.

Ia juga antara lain diadakan untuk mendidik dan meningkatkan perkembangan diri, kepimpinan, daya usaha dan persefahaman, di samping menanam semangat dalam diri dan pendedahan ke arah berkhidmat kepada masyarakat serta untuk mengenali dengan lebih dekat lagi identiti, budaya dan masyarakat di daerah-daerah.

Juga hadir ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung; Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit selaku Penghulu Mukim Telisai dan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong selaku Penghulu Mukim Tanjong Maya.

PEMANGKU Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Haizul Rizal bin Haji Yahya (kanan) semasa hadir selaku wakil Pegawai Daerah Tutong menyambut kedatangan para peserta Program Bas Belia 2018 di Jabatan Daerah Tutong.



Dua wanita asing terlibat aktiviti tidak bermoral diberkas

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BRUNEI MUARA, Rabu, 12 September. - Unit Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah berjaya membongkar aktiviti dan kegiatan yang tidak bermoral.

Hasil daripada serbuan tersebut telah berhasil memberkas dua wanita warga asing di dalam sebuah bilik penginapan di sebuah rumah sewa di kawasan Kampung Bunut yang dipercayai terlibat dalam menawarkan kegiatan khidmat seks.

Pihak polis telah menemukan beberapa bahan bukti seperti beberapa kepingan kondom dan wang tunai di lokasi kejadian, dipercayai untuk tujuan kegiatan tersebut.

Suspek bernama Zhang Xuemei, 30 tahun dan Caiying Chen, 32 tahun, kedua-duanya warganegara China menggunakan

pas pelawat bagi memasuki negara ini.

Kedua suspek dan semua

bahan bukti dibawa ke Jabatan Siasatan Jenayah untuk dijadikan siasatan lanjut.

Kes disiasat di bawah Seksyen 294A Kesalahan Menawarkan Khidmat Seks, Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22.



DUA suspek bernama Zhang Xuemei, 30 tahun dan Caiying Chen, 32 tahun, kedua-duanya warganegara China diberkas kerana melakukan kegiatan tidak bermoral oleh Unit Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei.



ANTARA peserta yang mengikuti Program Bas Belia 2018.



Diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi, dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, katanya : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : *"Barang siapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah akan mempermudah baginya suatu jalan menuju ke syurga."*

- Biasakan anak-anak bermain permainan berasaskan matematik.
- Para pelajar boleh memuat turun aplikasi dan permainan yang membantu menerangkan konsep matematik dengan cara menyeronokkan.
- Ibu bapa juga perlu membuatkan matematik relevan dalam hidup anak-anak seperti ketika membuat urusan pembayaran di kaunter ataupun kedai runcit.
- Melatih diri membuat latihan matematik selama 1 jam 30 minit setiap hari.
- Wujudkan rakan khas untuk belajar matematik.
- Hafalkan formula matematik.
- Membuat latihan soalan matematik yang susah dan mencabar minda bagi membiasakan diri menjawab soalan yang susah terutama pada waktu peperiksaan.
- Tanamkan dalam diri dan minda para pelajar bahawasanya belajar matematik amat mudah.

SUMBER : KEMENTERIAN PENDIDIKAN



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 64/09/18 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada **orang ramai dan pegawai-pegawai**
dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 15 SEPTEMBER 2018

TARIKH TUTUP: 06 OKTOBER 2018

1. PEGAWAI KERJA B.2 EB.3 / B.2 BAHAGIAN II JABATAN-JABATAN KERAJAAN KEKOSONGAN = SATU (01)	2. PEKERJA KANAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT C.2 EB.3 BAHAGIAN III JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KEKOSONGAN = SATU (01)	3. PEKERJA PEMBANGUNAN MASYARAKAT TINGKAT I D.3-4 EB.5 BAHAGIAN IV JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KEKOSONGAN = SATU (01)
4. PEKERJA PEMBANGUNAN MASYARAKAT TINGKAT II D.1-2-3 EB.4 BAHAGIAN IV JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KEKOSONGAN = EMPAT (04)	5. OPERATOR TELEFON E.1-2-3 EB.4 BAHAGIAN V JABATAN-JABATAN KERAJAAN KEKOSONGAN = SATU (01)	

MAKLUMAN PEMBATALAN IKLAN DI KEMENTERIAN KESIHATAN

BIL.	JAWATAN	TANGGAGAJI	KEKOSONGAN	PERATURAN	TARIKH IKLAN
1	Pembantu Makmal (Bilik Mayat)	M.3 EB.4	2	7A	03 Januari 2018 – 17 Januari 2018
2	Jurutera Hospital	B.2 EB.3	1		05 Mei 2018 – 19 Mei 2018
3	Penguasa Mekanik dan Elektrik	B.2	1	38A	05 Mei 2018 – 26 Mei 2018

Dengan ini adalah dimaklumkan bahawa iklan bagi jawatan tersebut di atas adalah dibatalkan oleh sebab-sebab yang tertentu

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:

TALIAN DARUSSALAM 123



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK

JEMPUTAN UNTUK MEMBERI TAWARAN

Bilangan Tawaran :

JPE / LTK / PDP / 016 / 2018

Tajuk Tawaran :

REPLACEMENT OF 11kV METALCLAD SWITCHGEARS AT PANAGA AND ANDUKI MIS

Tarikh Tutup :

18 SEPTEMBER 2018, SELASA (2.00 Petang)

Yuran Tawaran :

BND500.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

Tempat Tutup :

'TENDER BOX'

PENGERUSI

LEMBAGA TAWARAN KECIL

KEMENTERIAN TENAGA

(TENAGA DAN TENAGA MANUSIA)

DAN PERINDUSTRIAN

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Kelayakan : **KELAS III, IV ATAU V, KATEGORI E03 DAN E05.**

DOKUMEN-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari **UNIT TAWARAN TINGKAT EMPAT (4), JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA) DAN PERINDUSTRIAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Perhatian :

Sila sertakan BUSINESS NAMES ENACTMENT, 1958 - SECTION 16 & 17 dan Sijil Pendaftaran Pemborong (MOD) dengan kelas dan kategori semasa mengambil dokumen di Kaunter Tawaran, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

JUALAN SECARA SEBUTHARGA BAGI 01 LOT BESI BURUK SCRAP METAL KEPUNYAAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

Peraturan dan syarat :

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan untuk memberikan sebutbarga bagi penjualan barang-barang dan kerja-kerja pengangkutannya yang dihapuskan dari kira-kira seperti yang tersenarai di dalam borang sebutbarga.

2. Yuran dokumen sebanyak BND10.00 tunai (tidak dikembalikan) bagi satu borang sebutbarga dan borang tersebut boleh diambil di alamat berikut :

**Bangunan Arkib,
 Aras Bawah,
 Kementerian Pertahanan,
 Bolkiah Garison**

3. Tawaran hendaklah dihantar dengan sampul surat yang bertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk dan bilangan sebutbarga yang berkenaan tanpa menyatakan identiti penawar dan dihantar kepada alamat di bawah ini dengan mengikut arahan yang dinyatakan dalam dokumen sebutbarga ini.

TAWARAN PEMBELIAN & PENGANGKUTAN BARANG YANG DIHAPUSKAN DARI KIRA-KIRA KEMENTERIAN PERTAHANAN

RUJUKAN:

MINDEF/DFA/MWOC/L/1 (03/2018)

4. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam:

**Box No. 6, Peti Sebutbarga,
 Bangunan Arkib,
 Aras Bawah,
 Kementerian Pertahanan,
 Bolkiah Garison**

5. Tarikh tutup : **Rabu, 26 September 2018, tidak lewat jam 10.00 Pagi.**

6. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.

7. Keterangan yang dicatatkan di dalam borang sebutbarga tersebut hendaklah diisikan dengan lengkap dan teratur mengikut syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa ini. Setiap sebutbarga hendaklah dicatat dengan angka yang jelas dan betul termasuk jumlah perkataannya.

8. Harga bagi setiap tawaran hendaklah tidak kurang daripada harga permulaan yang telah ditetapkan. Mana-mana tawaran yang kurang daripada harga-harga yang ditetapkan besar kemungkinan tidak akan dipertimbangkan.

9. Sebutbarga Tuan / Puan tidak akan dilayan dan dipertimbangkan jika :

9.1 Tidak membubuh **Tandatangan, Cap Syarikat** (jika berkenaan) dan **Nombor**

Resit.

9.2 Mengubah apa-apa keterangan tawaran sebutbarga dengan menggunakan *correction fluid*.

10. Dokumen sebutbarga akan diberikan hanya setelah pemborong mengemukakan resit pembayaran yuran tawaran kepada Jawatankuasa Penghapusan Dari Kira-Kira, Kementerian Pertahanan.

11. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang sebut harga asal yang telah disediakan. Borang-borang yang disalin tidak akan diterima dan dilayan.

12. Barang-barang yang dilelong ini bolehlah dilihat di tempat yang disediakan iaitu di **Stor RSSD, Jabatan Logistik, Bolkiah Garison.**

13. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar penuh secara tunai dan memindahkan barang-barang yang dibeli itu tidak lewat (7) hari bekerja dari tarikh makluman berjaya. Kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian boleh dibatalkan dan wang pembayaran yang sudah dibuat tidak akan dikembalikan.

14. Jika sekiranya harga yang ditawarkan dan harga permulaan adalah sama / tidak berubah, sebutbarga berkenaan tidak semestinya berjaya. Semua pembelian adalah berasaskan *as is* dan *where is*.

15. Waktu-waktu penerimaan pembayaran dan menyaksikan barang-barang tersebut adalah seperti berikut :

Isnin hingga Khamis
 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi dan
 2.00 Petang hingga 3.00 Petang

Jumaat
 8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi

16. Pihak Jawatankuasa Penghapusan dari Kira-Kira, Kementerian Pertahanan berhak untuk mengeluarkan / menarik balik tawaran barang-barang berkenaan pada bila-bila masa sahaja.

Syarat-syarat wajib :

17. Pembeli yang berjaya mestilah menyediakan pengangkutan sendiri dan kelengkapan keselamatan kepada pekerja-pekerjanya bagi mengelakkan bahaya dan segala kerja-kerja pengemekan dan pemindahan hendaklah dilaksanakan dengan selamat.

18. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.

19. Pihak Jawatankuasa berhak membatalkan pembelian sekiranya penawar gagal menepati tempoh, peraturan dan syarat-syarat yang di tetapkan.

20. Kerajaan tidak terikat untuk menerima keseluruhan atau sebahagian sebutbarga yang dihadapkan.

21. Maklumat lanjut mengenai dengan barang-barang, lokasi-lokasi dan borang sebutbarga berkenaan, sila hubungi pihak RSSD Jabatan Logistik, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison ditalian 2386147 / 2386533 / 2386900 untuk melihat / mengetahui keadaan barang-barang berkenaan.



**JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

TAWARAN PEMBEKALAN KERTAS
128-135 GSM ART PAPER - MATT
KE JABATAN PERCETAKAN
KERAJAAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN TAWARAN:
GPD / STI / TDR / 2018 / 002

KETERANGAN BARANG :

Nama Kertas : Art Paper - Matt

Tebal : 128 - 135 gsm

Ukuran : 635mm x 902 mm

Pembungkusan : 250 Keping / Paket

Kuantiti : 4,000 Paket

DOKUMEN-dokumen dan syarat-syarat bagi pembekal dan pembayaran bagi yuran tawaran BND10.00 (tidak dikembalikan) bagi setiap tawaran boleh dibuat di Kaunter 1, Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, Bay 1,

Aras Bawah, Jabatan Percetakan Kerajaan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam bila-bila masa waktu bekerja.

Tempat menghantar Tawaran :
**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri
Level 1
Bangunan Jabatan Perdana Menteri
Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh Tutup menghantar Tawaran pada :
**Selasa, 18 September 2018,
jam 2.00 Petang**

Maklumat lanjut mengenai syarat-syarat dan borang tawaran, sila hubungi Dayang Hajah Nor Khadijah binti Haji Donglah, Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama, Berakas, melalui talian +673 2381804 atau e-mel khadijah.donglah@printing.gov.bn



KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA) DAN PERINDUSTRIAN

(1)
TAJUK SEBUT HARGA :
**PENYEDIAAN PENGINAPAN BAGI
TENAGA PENGAJAR PROGRAM
LATIHAN KOPERASI 2018
(BAGI SESI 2 HINGGA 4)**

BILANGAN SEBUT HARGA :
MEI / SEBUTHARGA / 2018-2019 / 14

SEBUT HARGA hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup rapi dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Kementerian Tenaga (Energy)
dan Perindustrian
Negara Brunei Darussalam.**

Dokumen tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** yang telah disediakan di **Kementerian Tenaga dan Perindustrian, Basement 2, Bangunan Jabatan Perdana Menteri**. Tidak lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan dibawah. **Bilangan sebut harga dan tajuk projek** hendaklah dinyatakan di **hujung sebelah kiri sampul surat berkenaan**.

Cagaran : **BND5.00**
(Untuk satu dokumen sebut harga.
Wang cagaran tidak akan dikembalikan)

Tarikh dibuka :
**5 Muharram 1440H
15 September 2018, Sabtu**

Tarikh tutup :
**19 Muharram 1440H
29 September 2018, Sabtu**

Jam :
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Syarat-syarat tawaran :

Dokumen sebut harga dan pembayaran yuran sebut harga bolehlah didapati dan dibuat melalui **Unit Kewangan, Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Basement 1, Kompleks Bangunan Jabatan Perdana Menteri**. Pembayaran dibukakan dari **jam 8.00 Pagi** hingga **11.00 Pagi**, manakala **Sabtu** dari **jam 8.00 Pagi** hingga **10.30 Pagi** sahaja.



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

TAJUK TAWARAN 1 :
**Sebutharga Bagi Membekal dan
Menghantar**

1. Mono Laser Printer Incl. Spare Toner;
2. Color Laser Printer (Multi-Function) Incl. Spare Toner ;
3. Printer Toner Dan Photoconductor Unit;
4. Portable External Hard Disk Dan
5. Pendrive (Thumbdrive).

RUJUKAN TAWARAN:
JBP/TSH/43/2018-2019

TAJUK TAWARAN 2 :
**General Overhaul Of Light Pumper
Lp/4 Isuzu Npr70**

RUJUKAN TAWARAN :
JBP/TSH/44/2018-2019

TAJUK TAWARAN 3 :
**Membekal Dan Menghantar Pvc
Kanvas 20 X 30**

RUJUKAN TAWARAN :
JBP/TSH/45/2018-2019

TAJUK TAWARAN 4 :
Membekal 2 Unit Outboard Engine

RUJUKAN TAWARAN :
JBP/JKSH/27/2018-2019

TAJUK TAWARAN 5 :
**Maintenance Of 3 Units Turntable
Ladder Dan 1 Unit Hydraulic Platform**

RUJUKAN TAWARAN :
JBP/JKSH/29/2018-2019

TARIKH TUTUP / JAM BAGI
TAWARAN 1 HINGGA 5 :

**Khamis, 27 September 2018
(1.50 Petang)**

YURAN TAWARAN :
BND5.00 SETIAP TAJUK TAWARAN

Syarat-Syarat Penyertaan :

1. Pemohon adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Pemohon hendaklah menggunakan borang asal yang dikeluarkan oleh Jabatan

Bomba dan Penyelamat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam dan borang boleh diperolehi di:

**Kaunter Bahagian Kewangan,
Tingkat Bawah,
Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat,
Jalan Landasan Lama
Berakas, BB3510,
Negara Brunei Darussalam**

bermula **10 September 2018** dengan harga yuran **BND5.00 (tidak dikembalikan)**.

Waktu bagi menerima bayaran yuran:
**Isnin hingga Khamis dan Sabtu
8.15 Pagi hingga 11.15 Pagi,
2.00 Petang hingga 3.30 Petang**

3. Borang tawaran hendaklah disertakan salinan sijil pendaftaran, Perniagaan 16 & 17 yang masih sah yang menyenaraikan butir-butir perniagaan seperti nama, bilangan pendaftaran dan negeri asal, nombor kad pengenalan atau pasport pemilik.

4. Setiap satu borang tawaran yang lengkap diisikan dan disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat yang tertutup rapi dan menulis dengan jelas dengan menyatakan tajuk & bilangan tawaran dan tarikh tutup tawaran tanpa membubuhkan sebarang pengenalan atau identiti syarikat / pembekal.

5. Borang tawaran hendaklah dikembalikan dan dimasukkan ke dalam:

**PETI TAWARAN SEBUT HARGA,
JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT**

yang ditujukan kepada:

**PENGERUSI,
JAWATANKUASA SEBUT HARGA,
RUANG LEGAR, TINGKAT BAWAH,
BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN
KEWANGAN,
IBU PEJABAT BOMBA DAN
PENYELAMAT,
JALAN LANDASAN LAMA
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

6. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

PERINGATAN :

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang rendah dan lain-lain.



**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

NOTIS SEBUT HARGA

(1)
TENDER NO. :
RTB / K / 43 / 18 - 19
RENTAL OF LED SCREEN & GRAPHIC FOR MOU RAPSODI 2018

Bayaran Tawaran :
BND5.00 (tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
**Rabu, 26 September 2018,
jam 2.00 Petang.**

(2)
TENDER NO. :
RTB / K / 42 / 18 - 19
**SUPPLY AND DELIVERY OF IMAC & ACCESSORIES FOR GRAPHIC
DESIGNERS OF NEWS DIVISION**

Bayaran Tawaran :
BND5.00 (tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
**Rabu, 19 September 2018,
jam 2.00 Petang.**

1. SEBUT Harga ini adalah dipelawa kepada semua pemborong dan syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen-dokumen sebut harga bolehlah diperolehi dari **Unit Hasil, Tingkat II, Seksyen Kewangan RTB, BSB** dengan membuat pembayaran terlebih dahulu pada waktu-waktu yang ditetapkan.

3. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dengan menggunakan format yang disediakan oleh pihak jabatan.

4. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga dalam bentuk sampul surat yang tertutup dengan menyatakan rujukan tajuk yang berkenaan dan tarikh tutup sebut harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga RTB, Bandar Seri Begawan, seperti berikut :

Kepada :
**Pengerusi Jawatankuasa
Sebut Harga
Jabatan Radio Televisyen Brunei
Jalan Stoney
Bandar Seri Begawan, BB8610
Negara Brunei Darussalam.**

Rujukan :
(Seperti Tender No. yang telah dinyatakan diatas)

Tarikh Tutup :
(Seperti tarikh tutup yang dinyatakan pada setiap tawaran diatas)

5. Pembayaran yuran sebut harga hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai ataupun cek tempatan (*Payee : Government of Brunei*).

Para penender yang berhajat mengikuti tawaran diatas adalah disaran untuk merujuk maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN**

BIL. : (14)JBS/ADM/UP/2018

Peti Sebut Harga
Tingkat 4, Jabatan Belia dan Sukan,
Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan,
Bangunan Kementerian Kebudayaan Belia
Dan Sukan,
Simpang 336 - 17, Jalan Kebangsaan,
Bandar Seri Begawan BA 1211
Negara Brunei Darussalam

(1)

BIL TAWARAN:
(132) JBS / ADM / QC / 2018

KETERANGAN:
MENYEDIAKAN DAN MENGHANTAR
BADGE PESERTA BRUNEI
RANCANGAN KAPAL BELIA ASIA
TENGGA KE 45, 2018

YURAN TAWARAN:
BND5.00

TARIKH TUTUP:
26 SEPTEMBER 2018

(2)

BIL TAWARAN:
(133) JBS / ADM / QC / 2018

KETERANGAN:
MENYEDIAKAN DAN MENGHANTAR
PAKAIAN (BAJU BLAZER DAN
SELUAR / KAIN) BAGI RANCANGAN
KAPAL BELIA ASIA TENGGA
KE-45, 2018

YURAN TAWARAN:
BND5.00

TARIKH TUTUP:
26 SEPTEMBER 2018
(Tidak Lewat Jam 2.00 Petang)

(3)

BIL TAWARAN:
(134) JBS / ADM / QC / 2018

KETERANGAN:
MENYEDIAKAN DAN

**MENGHANTAR CENDERAMATA
UNTUK PEMBESAR-PEMBESAR
NEGARA YANG DISINGAHI
(GIFT 1 & GIFT 2 EXCHANGE)
BAGI RANCANGAN KAPAL BELIA
ASIA TENGGA KE 45, 2018**

YURAN TAWARAN:
BND5.00

TARIKH TUTUP:
26 SEPTEMBER 2018
(Tidak Lewat Jam 2.00 Petang)

(4)

BIL TAWARAN:
(135) JBS / ADM / QC / 2018

KETERANGAN:
MENYEDIAKAN DAN MENGHANTAR
BAJU TRACKSUIT BAGI
RANCANGAN KAPAL BELIA ASIA
TENGGA KE-45, 2018

YURAN TAWARAN:
BND 5.00

TARIKH TUTUP:
26 SEPTEMBER 2018
(Tidak Lewat Jam 2.00 Petang)

Cagaran :

Seperti yang dinyatakan pada
Keterangan Sebut harga -
Bagi setiap satu dokumen
(Tidak dikembalikan)

Dokumen-dokumen dan penerangan-
penerangan yang lanjut boleh diperolehi di
Bahagian Unit Hasil, Tingkat 4, Jabatan Belia
dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan
Kebangsaan, Berakas BA 1211, Negara
Brunei Darussalam.

WAKTU MENERIMA BAYARAN

Isnin Hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi
Sabtu
8.30 Pagi hingga 10.30 Pagi



**JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

KENYATAAN TAWARAN

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa
daripada syarikat-syarikat dan pembekal-
pembekal yang berdaftar di Negara
Brunei Darussalam.

2. Kadar bayaran dokumen sebut harga
adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan
sebut harga. Setiap penender hendaklah
membayar borang dokumen sebut harga
di **Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1,**
Unit Tunai dan Hasil, Bahagian
Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan
Pentadbiran dan Perkhidmatan-
Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan,
Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara
Brunei Darussalam. Sila pastikan resit
pembayaran borang dokumen sebut harga
yang diterima adalah betul.

4. Borang-borang sebut harga dan
penerangan lanjut boleh diperolehi
di **Tingkat 9 Blok 2J, Unit Peruntukan**
dan Perbekalan Jabatan Sekolah-
Sekolah, Bangunan Kondominium
Jalan Ong Sum Ping, Negara
Brunei Darussalam pada hari dan waktu
bekerja.

5. Sebut Harga-sebut harga hendaklah
dihantar dalam sampul surat biasa dan ditutup
rapi. Pada bahagian atas kiri sampul surat
hendaklah ditulis bilangan sebut harga, tajuk
sebut harga dan tarikh tutup sebut harga tanpa
menunjukkan identiti penender dan ditujukan
kepada :

Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Sekolah-Sekolah
Kementerian Pendidikan
Bangunan Kondominium
Jalan Ong Sum Ping
Tingkat 9, Blok 2J
Unit Peruntukan dan Perbekalan
Negara Brunei Darussalam.

Para penender yang berhasrat menyertai
tawaran ini disaran untuk mendapatkan
maklumat dan syarat penuh di tempat
mengambil dokumen tawaran.

BILANGAN SEBUT HARGA :
KP / JSS / UPP / JKSH / SR
(ELEKTRIK) / 03 / 2018 - 2019

KETERANGAN :
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL,
MENGHANTAR, MEMASANG DAN
MENGUJI PERALATAN SEKOLAH
(ELEKTRIK) UNTUK

SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH
KERAJAAN, JABATAN
SEKOLAH-SEKOLAH,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN SEBUT HARGA :
KP / JSS / UPP / JKSH / SR
(ELEKTRIK) / 07 / 2018 - 2019

KETERANGAN :
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL,
MENGHANTAR, MEMASANG DAN
MENGUJI PERALATAN SEKOLAH
(ELEKTRIK) UNTUK
PUSAT TINGKATAN ENAM /
MAKTAB / SEKOLAH MENENGAH
KERAJAAN, JABATAN
SEKOLAH-SEKOLAH,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN SEBUT HARGA :
KP / JSS / UPP / JKSH / SM
(SAINS) / 08 / 2018 - 2019

KETERANGAN :
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL,
MENGHANTAR, MEMASANG DAN
MENGUJI ALATAN SAINS KE
SEKOLAH SUKAN,
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

BILANGAN SEBUT HARGA :
KP / JSS / UPP / JKSH / SM (SAINS) /
09 / 2018-2019
KETERANGAN :
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL,
MENGHANTAR, MEMASANG DAN
MENGUJI ALATAN SAINS KE
SEKOLAH MENENGAH BERAKAS,
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BAYARAN YURAN / DOKUMEN
BAGI SETIAP SEBUT HARGA :
BND5.00

[Bayaran dokumen sebut harga
tidak dikembalikan]

Tarikh dibuka :
17 September 2018

Tarikh tutup :
26 September 2018
[tidak lewat jam 2.00 Petang]



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

TAWARAN PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH ARAB DAN
SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA
JABATAN PENGAJIAN ISLAM,
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA BAGI TEMPOH TIGA (03)
TAHUN

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

1) RUJUKAN TAWARAN :
KHEU / JPI / BPP3 / K / 12 / 06
NAMA SEKOLAH UGAMA :
SEKOLAH UGAMA PELAMBAYAN,
KAWASAN BRUNEI I

2) RUJUKAN TAWARAN :
KHEU / JPI / BPP3 / K / 49 / 13
NAMA SEKOLAH UGAMA :
SEKOLAH UGAMA PERPINDAHAN
LAMBAK KANAN JALAN 77,
KAWASAN BRUNEI II A

DAERAH TUTONG

1) RUJUKAN TAWARAN :
KHEU / JPI / BPP3 / K / 43 / 06
NAMA SEKOLAH UGAMA :
SEKOLAH UGAMA KIUDANG,
TUTONG II

DAERAH BELAIT

1) RUJUKAN TAWARAN :
KHEU / JPI / BPP3 / K / 39 / 06
NAMA SEKOLAH UGAMA :
SEKOLAH UGAMA PADUKA SERI
BEGAWAN SULTAN OMAR ALI
SAIFUDDIEN, KUALA BELAIT

Syarat-Syarat, Panduan dan Maklumat :

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa
daripada Syarikat-Syarikat yang berdaftar
dan terdiri daripada rakyat Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam.

2. Pemohon-pemohon yang berkhidmat
dengan Kerajaan tidak akan diterima kecuali
mendapat Surat Kebenaran untuk berniaga
daripada Jabatan Perdana Menteri.

3. Pemohon-pemohon hendaklah terdiri
daripada penduduk yang tinggal di Daerah
Tempat Sekolah-Sekolah Ugama tersebut.

4. Borang sebut harga bolehlah diperolehi
di Jabatan Pengajian Islam, Bahagian
Kewangan, Tingkat 4, Blok 2 I, Jalan Ong
Sum Ping, Bandar Seri Begawan BA1311,
Negara Brunei Darussalam.

5. Pemohon hendaklah menggunakan
borang asal yang dikeluarkan oleh Jabatan
Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal
Ugama, Negara Brunei Darussalam.

6. Tarikh akhir mengambil borang tawaran
sebut harga adalah **Isnin, 14 Muharram**
1440H / 24 September 2018M. Manakala
tarikh akhir menghantar adalah **Rabu, 16**
Muharram 1440H / 26 September 2018M,
tidak lewat jam 11.00 Pagi.

7. Borang sebut harga serta Salinan Kad
Pintar dan Salinan Sijil Pendaftaran
Perniagaan 16 & 17 hendaklah dihantar dalam
sampul surat biasa yang tertutup (sealed
envelope) dan hendaklah ditulis dengan jelas
tajuk sebagaimana yang diiklankan serta
tanpa menunjukkan identiti syarikat dan
dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang
ditujukan kepada:

Peti Tawaran Sebut Harga,
Bahagian Kewangan,
Tingkat 1,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Jalan Dewan Majlis, Berakas Bb3910
Negara Brunei Darussalam

Para penender yang berhasrat menyertai
tawaran ini adalah disaran untuk
mendapatkan maklumat dan syarat penuh
di tempat mengambil dokumen tawaran.



**PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

KENYATAAN TAWARAN

BILANGAN TAWARAN :
(1) NDMC / LTK / 2018-2019

TAJUK TAWARAN :
PEMBELIAN 'HELICOPTER
FIRE FIGHTING EQUIPMENT &
ACCESSORIES' BAGI
KEPERLUAN OPERASI

YURAN TAWARAN :
BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

TARIKH TUTUP :
Selasa, 25 September 2018
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

1. DOKUMEN tawaran boleh diperolehi
dari Unit Pengurusan Estet, Aras Bawah,
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jalan
James Pearce, Bandar Seri Begawan BS8610,
semasa waktu-waktu bekerja, mulai **Rabu, 5**
September 2018.

2. Yuran tawaran berjumlah **BND30.00**
(tidak dikembalikan) adalah dikehendaki
pembayarannya menggunakan WANG
TUNAI sahaja. Pembayaran hendaklah
dibuat di Kaunter Pembayaran, Bahagian

Pengawalan Hiburan Awam dan Penerbitan,
Tingkat 3, Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri, Jalan James Pearce, Bandar Seri
Begawan BS8610 semasa waktu-waktu
bekerja.

Waktu Menerima Bayaran
Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi

3. Tawaran hendaklah dihantar dalam
sampul surat yang tertutup dengan
menyatakan bilangan tajuk tawaran serta
tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti
syarikat dan dialamatkan kepada :

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Peti Tawaran, Tingkat Bawah
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Jalan James Pearce
Bandar Seri Begawan, BS8610
Negara Brunei Darussalam.

4. Para penender yang berhasrat
menyertai tawaran ini adalah disaran untuk
mendapatkan maklumat dan syarat penuh di
tempat mengambil dokumen tawaran.

RUMUSAN BARANGAN KEPERLUAN HARIAN BAGI BULAN SEPTEMBER 2018 DI DAERAH BELAIT

BIL	KETERANGAN	AISHA AFKA MINIMART SDN BHD (LUMUT)	FAMIYA SDN BHD (PANDAN)	FARVIN JAYA TRADING COMPANY (SERIA, KB)	ISMACO SDN BHD (SG, BAKONG)	JAYA CENTERPOINT HYPERMARKET SDN BHD (KB SENTRAL)	MAHMOON DEPARTMENT STORE (SG. TARING, LUMUT)	SHAROZA ENTERPRISE (KG. SG. TARING, KB)	SUPA SAVE & SMART (SERIA, KB)	YA NUR TRADING CO SDN BHD (SG. TALI, LUMUT)
1	Mentega / Marjerin									
	GOLDEN CHURN - 340 g	\$ -	\$ -	\$ 6.60	\$ -	\$ 6.40	\$ 6.40	\$ -	\$ 5.95	\$ 6.30
	QBB - 454 g	\$ -	\$ -	\$ 7.65	\$ -	\$ 7.50	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 7.30
	PLANTA; Margarine - 480 g	\$ 3.50	\$ 3.30	\$ 3.40	\$ -	\$ 3.50	\$ 3.30	\$ -	\$ 3.50	\$ 3.25
2	Makanan dalam tin									
	YEO'S; Chicken Curry - 145 g	\$ -	\$ 1.50	\$ 1.30	\$ 1.50	\$ 1.50	\$ 1.60	\$ 1.55	\$ 1.55	\$ 1.45
	REX; Chicken Curry - 160 g	\$ 2.30	\$ 2.20	\$ 1.30	\$ 1.30	\$ 1.40	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 1.30
	AYAM BRAND; Sardine In Tomato Sauce Tall - 230 g	\$ 2.40	\$ 3.15	\$ 2.30	\$ 2.40	\$ 2.45	\$ -	\$ -	\$ 2.40	\$ 2.30
	KARA; Natural Coconut Extract - 200 ml	\$ -	\$ -	\$ 1.10	\$ -	\$ 1.10	\$ -	\$ -	\$ 1.10	\$ 1.10
	AYAM BRAND; Coconut Milk Blue Tin - 270 ml	\$ 1.80	\$ 1.80	\$ 1.99	\$ -	\$ 1.70	\$ 1.70	\$ -	\$ 1.65	\$ 1.70
	CHAKOAH; Coconut Milk Gata - 400 ml	\$ 1.80	\$ 1.60	\$ 1.90	\$ -	\$ 1.69	\$ -	\$ -	\$ 1.55	\$ 1.69
	BABU KITCHEN; Coconut Milk Indo - 400 ml	\$ 1.80	\$ -	\$ 1.55	\$ 1.50	\$ 1.69	\$ -	\$ -	\$ 1.60	\$ 1.55
3	Telur ayam									
	1 Tray (30 biji) (Size M/B) - 1 tray	\$ -	\$ 5.50	\$ 5.20	\$ -	\$ 5.40	\$ -	\$ -	\$ 5.70	\$ 5.50
4	Susu pekat manis									
	F&N - 390 g	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 0.99	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -
	MILKMAID - 388 g	\$ -	\$ -	\$ 1.05	\$ -	\$ 1.10	\$ -	\$ -	\$ 1.05	\$ 1.05
	TEAPOT - 388 g	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 0.99	\$ -	\$ -	\$ 1.25	\$ -
5	Minyak masak									
	SANIA - 5 ltr	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 7.20	\$ 6.95	\$ -	\$ 6.95	\$ -
	SERI MURNI - 5 kg	\$ -	\$ -	\$ 8.60	\$ -	\$ 8.39	\$ -	\$ -	\$ 7.80	\$ 7.99
	MAZOLA; Corn - 3 kg	\$ 14.95	\$ -	\$ 15.80	\$ -	\$ 16.69	\$ -	\$ -	\$ 14.20	\$ -
	NATUREL; Sunflower - 3 kg	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 10.65	\$ -	\$ -	\$ 10.30	\$ -
	LABOUR @ CAP BURUH - 5 kg	\$ 9.50	\$ -	\$ 9.80	\$ -	\$ 10.20	\$ -	\$ -	\$ 9.55	\$ -
	SUNCO; Vegetable - 5 ltr	\$ 8.95	\$ -	\$ 8.60	\$ 9.20	\$ 9.20	\$ -	\$ -	\$ 8.95	\$ 9.25
	BORGES; Classic Olive Oil - 1 ltr	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 10.20	\$ -	\$ -	\$ 6.25	\$ -
	COLAVITA; Olive Oil - 1 ltr	\$ 6.95	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 8.90	\$ -	\$ -	\$ 10.40	\$ 8.95
	FRAGATA; Olive Oil - 1 ltr	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 5.20	\$ -
	LINKS; Pure Olive Oil - 1 ltr	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 5.20	\$ 12.50
	NATUREL; Olive Oil - 750 ml	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 8.80	\$ -	\$ -	\$ 5.20	\$ -
	OLITALIA 100% Pure Olive Oil - 1 ltr	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 6.90	\$ 10.35	\$ -	\$ -	\$ 4.55	\$ -
6	Minuman sirap berperisa									
	F&N SUN VALLEY; Grenadine - 2 lit	\$ -	\$ 4.90	\$ 4.70	\$ -	\$ 4.85	\$ 4.60	\$ -	\$ 3.70	\$ -
	F&N SUN VALLEY; Rose - 2 lit	\$ -	\$ 4.90	\$ 4.70	\$ -	\$ -	\$ 4.60	\$ -	\$ 5.20	\$ -
	F&N SUN VALLEY; Sarsi - 2 lit	\$ -	\$ 4.90	\$ 4.70	\$ -	\$ 4.85	\$ 4.60	\$ -	\$ 3.70	\$ -
	ROSE; Rose Syrup Flavour - 750 ml	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 4.20	\$ -	\$ -	\$ 3.70	\$ -
7	Pencuci pakaian									
	EKONOMI; Handalan Putih Kekal Baru - 2.5 kg	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 5.50	\$ -
	DAIA; Excellent Washing Powder - 2.5 kg	\$ 6.40	\$ -	\$ 5.95	\$ 5.95	\$ 6.30	\$ 5.95	\$ -	\$ 6.50	\$ 5.95
	DYNAMO; Liquid Detergent - 1 kg	\$ -	\$ -	\$ 3.45	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -
	BREEZE; Liquid Detergent - 2000 ml	\$ -	\$ 5.50	\$ 5.40	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -
	CLOROX; Liquid Bleach - 1 lit	\$ 4.50	\$ 2.10	\$ 1.90	\$ 1.95	\$ 1.90	\$ 1.80	\$ 2.00	\$ 2.00	\$ 1.90
8	Mee kering									
	Cap Udang MBS - Medium Flat Sabah - 400 g	\$ 1.10	\$ 1.90	\$ 1.85	\$ 1.90	\$ 1.85	\$ 1.80	\$ -	\$ -	\$ 1.85
	Falcon & Moon Stick Noodle Tai Thong - 150 g	\$ 1.80	\$ 0.50	\$ 0.50	\$ -	\$ 0.50	\$ 0.50	\$ 0.50	\$ 0.55	\$ 0.50
	Wai Wai Oriental Style - 400 g	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 1.40	\$ -	\$ -	\$ 1.15	\$ -
	CAP LIMAU; Mee Hoon - 400 g	\$ -	\$ 1.10	\$ 1.10	\$ 1.10	\$ 1.10	\$ 1.10	\$ 1.20	\$ 1.00	\$ 0.99
9	Minuman									
	BOH; Tea - 200 g	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 2.60	\$ 2.60
	LIPTON; Yellow label - 200 g	\$ -	\$ -	\$ 2.10	\$ -	\$ 2.20	\$ 2.10	\$ -	\$ 3.30	\$ 3.90
	NESCAFE; Classic - 200 g	\$ 0.80	\$ -	\$ 7.20	\$ 5.50	\$ 7.80	\$ -	\$ -	\$ 6.50	\$ 7.80
	SEHAT; Botol - 1.5 litre	\$ 0.80	\$ 0.80	\$ 0.90	\$ 0.80	\$ 0.70	\$ 0.90	\$ 0.90	\$ 0.70	\$ 0.90
	SUCI; Botol - 1.5 litre	\$ 0.70	\$ 0.80	\$ 0.80	\$ 0.80	\$ 0.60	\$ 0.80	\$ 0.80	\$ 0.55	\$ 0.80
10	Susu Cair									
	COW BELL - 400 g	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 1.00	\$ 1.00	\$ -	\$ -	\$ 1.00	\$ 0.99
	F&N - 400 g	\$ -	\$ 1.10	\$ 1.10	\$ -	\$ 1.10	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 1.05
	IDEAL - 405 g	\$ -	\$ 1.40	\$ 1.45	\$ 1.35	\$ 1.45	\$ -	\$ -	\$ 1.30	\$ 1.45
11	Tepong									
	PRIMA; Plain - 1 kg	\$ 2.30	\$ 2.10	\$ 2.25	\$ 2.20	\$ 2.19	\$ -	\$ 2.25	\$ 2.00	\$ 2.10
12	Susu tepung berformula									
	DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Asli - 900 g	\$ 8.20	\$ 8.70	\$ 8.45	\$ 8.40	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 11.30	\$ 8.09
	DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Honey Date - 900 g	\$ 8.20	\$ -	\$ 8.45	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 8.09
	DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Chocolate Strawberry - 900 g	\$ -	\$ -	\$ 8.45	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -
	DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Fruit & Vegetable - 900 g	\$ -	\$ -	\$ 8.45	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -
	DUMEX; Dugro 3 (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Honey Date - 900 g	\$ -	\$ 8.70	\$ 8.45	\$ -	\$ 8.39	\$ -	\$ -	\$ 8.65	\$ 8.09
	DUMEX; Dugro 3 (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Chocolate Strawberry - 900 g	\$ -	\$ 8.70	\$ 8.45	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 8.65	\$ -
	DUMEX; Dugro 3 (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Fruits & Vegetables - 900 g	\$ -	\$ 8.70	\$ 8.45	\$ -	\$ 12.90	\$ -	\$ -	\$ 10.35	\$ 10.20
	DUTCH LADY/FRIESLAND; Advance 123 (1Thn +) - Asli - 1.3 kg (650g X 2)	\$ 8.75	\$ 8.75	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -
	DUTCH LADY/FRIESLAND; Advance 123 (1Thn +) - Madu - 1.3 kg (650g X 2)	\$ 8.75	\$ 8.75	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -
	DUTCH LADY/FRIESLAND; Advance 123 (1Thn +) - Coklat - 1.3 kg (650g X 2)	\$ 8.75	\$ 8.75	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -
	NESTLE; Nan - 1 Pro Infant Formula (0 - 12 Bln)Langkah 1 (0 - 12 Mths) Pro Plus Bifidus B, Nukleotida DHA + ARA Stripe - (Turquoise) - 700 g (350g X 2)	\$ 24.95	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 26.99	\$ 25.50	\$ -	\$ 27.50	\$ 25.90
	NESTLE; Nan - 2 Pro Follow Up Formula (6 Mths - 3 Yrs) Langkah 2 (6 Mths - 3 Yrs) Pro Plus Bifidus B, Nukleotida DHA + ARA Stripe - 700 g (350g X 2)	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 24.50	\$ 24.50	\$ -	\$ 26.50	\$ -
13	Ayam segar									
	Whole Chicken (Bulat) - 1 kg	\$ -	\$ 6.50	\$ -	\$ -	\$ 4.50	\$ 4.50	\$ -	\$ 4.30	\$ 4.50
14	Lampin bayi pakai buang									
	DRYPERS; Wee Wee Dry Newborn (Up to 5 kg) - NB 28	\$ 6.90	\$ -	\$ 5.90	\$ 5.95	\$ -	\$ -	\$ 11.95	\$ 7.80	\$ 10.60
	DRYPERS; Small (3-7 kg) - S 32	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 7.80	\$ 10.60
	DRYPERS; Medium (6-11 kg) - M 28	\$ 5.90	\$ -	\$ 5.90	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 7.80	\$ 11.95
	DRYPERS; Large (9-14 kg) - L 44	\$ 10.90	\$ 10.90	\$ 10.50	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 12.90	\$ 11.95
	MAMY POKO; Newborn (Up to 5 kg) - NB 28+2	\$ -	\$ -	\$ 5.90	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 13.90	\$ -
	MAMY POKO; Small (3-8 kg) - S 44	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 14.60	\$ -	\$ -	\$ 13.90	\$ 9.89
	MAMY POKO; Medium (6-11 kg) - M 38	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 14.60	\$ -	\$ -	\$ 13.90	\$ 9.89
	MAMY POKO; Large (9-14 kg) - L 32	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 14.60	\$ -	\$ -	\$ 13.90	\$ 13.50
	EQ DRY; Newborn (Up to 5 kg) - NB 20/22	\$ -	\$ 3.80	\$ -	\$ 3.90	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 3.80	\$ -
	EQ DRY; Small (3-7 kg) - S 40	\$ 7.40	\$ 7.50	\$ 7.20	\$ -	\$ 7.50	\$ -	\$ -	\$ 7.50	\$ 7.20
	EQ DRY; Medium (6-11 kg) - M 36	\$ 7.40	\$ 7.50	\$ 7.20	\$ 7.50	\$ 7.50	\$ -	\$ 8.90	\$ 7.50	\$ 7.20
	EQ DRY; Large (9-14 kg) - L 48	\$ -	\$ 11.20	\$ -	\$ 10.90	\$ 10.80	\$ -	\$ -	\$ 7.50	\$ 8.60
15	Mee segera									
	MAGGI; Curry - 80g x 5	\$ 1.45	\$ 1.50	\$ 1.45	\$ 1.50	\$ 1.39	\$ 1.35	\$ 1.50	\$ 1.35	\$ 1.55
	MAGGI; Ayam - 80g x 5	\$ 1.45	\$ 1.50	\$ 1.45	\$ 1.50	\$ 1.39	\$ 1.35	\$ 1.50	\$ 1.35	\$ 1.55
	MAGGI; Asam - 80g x 5	\$ 1.80	\$ 1.75	\$ 1.85	\$ 1.80	\$ 1.90	\$ -	\$ -	\$ 1.65	\$ 1.80
	INDO FOOD; Mee Goreng - 80g x 5	\$ -	\$ 1.50	\$ 1.49	\$ 1.45	\$ 1.50	\$ 1.35	\$ 1.70	\$ 1.60	\$ 1.39
	INDO MIE; Mee Goreng (Old Packaging) - 80g x 5	\$ -	\$ -	\$ 1.40	\$ 1.40	\$ 1.40	\$ -	\$ 1.40	\$ -	\$ 1.40
16	Mayonis									
	LADY'S CHOICE; Real Mayonnaise - 470 ml	\$ 4.30	\$ 4.20	\$ 3.95	\$ -	\$ 3.99	\$ 3.70	\$ -	\$ 4.90	\$ 3.99
17	Milo (Malaysia)									
	Nestle Milo - 1.5 kg	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 11.60	\$ -	\$ -	\$ 10.10	\$ 10.50
18	Bawang									
	Bawang besar - 1 kg	\$ -	\$ 1.20	\$ 1.20	\$ -	\$ 1.49	\$ -	\$ 0.95	\$ 1.20	\$ 1.50
	Bawang putih - 1 kg	\$ -	\$ 1.20	\$ 2.50	\$ -	\$ 2.50	\$ -	\$ 1.60	\$ 2.20	\$ 3.50
	Bawang merah - 1 kg	\$ -	\$ 1.70	\$ 2.90	\$ -	\$ 2.50	\$ -	\$ 1.70	\$ 2.80	\$ 2.50
19	Sos									
	Lee Kum Kee; sos tiram - 510 gm	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 2.20	\$ 2.80	\$ -	\$ -	\$ 6.20	\$ -
	HABHAL @ CAP KIPAS UDANG; Salty Soy Sauce - 645 ml	\$ -	\$ 2.20	\$ 3.20	\$ 3.60	\$ 3.09	\$ -	\$ 2.85	\$ 3.60	\$ 3.30
	HABHAL @ CAP KIPAS UDANG; Sweet Soy Sauce - 645 ml	\$ -	\$ 2.30	\$ 3.45	\$ 3.40	\$ 3.15	\$ -	\$ 3.00	\$ 2.90	\$ 3.49
	MAGGI; sos cili - 340 gm	\$ 1.20	\$ 1.50	\$ 1.25	\$ -	\$ 1.15	\$ 1.20	\$ 1.20	\$ 1.15	\$ 1.45
	MAGGI; sos tomato - 325 gm	\$ 1.00	\$ 1.35	\$ 1.10	\$ -	\$ 1.10	\$ -	\$ 1.10	\$ 1.05	\$ 1.30
	ADABI; sos tiram - 510 gm	\$ -	\$ 2.30	\$ -	\$ -	\$ 2.59	\$ -	\$ -	\$ 2.60	\$ -
	NONA; sos tiram - 510 gm	\$ 2.40	\$ 2.40	\$ -	\$ -	\$ 2.20	\$ -	\$ -	\$ 2.10	\$ 2.40

*Harga barang tertakluk kepada stok.

***Senarai penuh boleh diperolehi dari aplikasi mudah alih PenggunaBijak atau laman sesawang www.depd.gov.bn/cad. Aplikasi mudah alih PenggunaBijak boleh di muat-turun dari Google Playstore dan Apple iTunes App Store.

Sebarang maklumat atau aduan boleh hubungi hotline JPKE +6732 230223 semasa waktu pejabat atau e-mel : aduanpengguna@jpke.gov.bn dan consumercomplaint@jpke.gov.bn

Kompleks Yayasan buka tirai strategi pemasaran baharu

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 September. - Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Kompleks Yayasan), merupakan salah satu projek pembangunan infrastruktur

Yayasan yang tersergam indah di ibu negara dan merupakan di antara dua mercu tanda utama Bandar Seri Begawan, iaitu Sungai Brunei dan Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Pihak media disaran bantu promosi Kompleks Yayasan



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar ketika ditemu bual.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 September. - Untuk mengekalkan Kompleks Yayasan adalah satu cabaran, kerana kompleks ini merupakan salah satu projek infrastruktur yang tersergam indah di Bandar Seri Begawan dan antara dua mercu tanda utama Bandar Seri Begawan yang menjadi tarikan kepada orang ramai dan para pelancong.

Perkara ini dijelaskan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan Pengerusi Lembaga Pengarah Wadah Amal Sdn. Bhd., semasa ditemui pada Majlis Pelancaran Laman Sesawang dan Media Sosial serta pembukaan beberapa buah kedai, di kompleks berkenaan.

Menurut Yang Berhormat, untuk mengekalkan agar Kompleks Yayasan ini terkenal, para media diharap dapat berkerjasama untuk mempromosikannya lagi, seperti melalui Facebook, Instagram dan media cetak.

"Kompleks Yayasan ini akan terkenal dengan produk-produk Brunei, kerana dengan adanya produk-produk Brunei ianya akan menjadi tarikan pelancong untuk datang ke Kompleks Yayasan," ujar Yang Berhormat melahirkan harapan.

Manakala, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Elinda binti C.A Mohamed selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan juga Ahli Lembaga Pengarah Wadah Amal Sdn. Bhd., ketika ditemui pula menjelaskan, Kompleks Yayasan ini akan menjadi tarikan orang

ramai mahupun pelancong yang singgah ke negara ini.

Yang Mulia Datin juga melahirkan harapan yang sama, agar pihak media akan dapat membarigakan kompleks ini, kerana projek ini telah dibangunkan semula agar orang ramai dan pelancong dapat singgah melihat dan membeli produk-produk tempatan yang ada di sini.

Dengan adanya produk-produk baharu yang ada pada masa ini tambahnya, juga perlu diutamakan dan dikekalkan ialah Calak Brunei untuk diketengahkan ke arena antarabangsa.

"Semenjak Bandarku Ceria dikenalkan, pihak Yayasan cuba menggabungkan kementerian-kementerian untuk membuat beberapa aktiviti, seperti yang ada di padang dan akan dibawa ke Kompleks Yayasan supaya aktiviti Bandarku Ceria sentiasa disambut setiap minggu dan dikunjungi orang ramai atau pelancong dan Kompleks Yayasan makin terkenal untuk dikunjungi," tambahnya.

Katanya, Perniagaan Hua Ho akan membuka dengan corak yang terbaharu dengan mengekalkan Calak Brunei, dan pada masa ini juga Hua Ho masih mempromosikan produk-produk tempatan dan adanya laman sesawang yang baru ianya dapat mendatangkan kemudahan kepada orang ramai dan juga orang luar untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kompleks ini.

Laman sesawang ini ujarnya, dapat membuka ruang di samping kerjasama pihak media dalam menyebarkan dan membarigakannya kepada orang ramai.



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Elinda binti C.A Mohamed.

Sejak ianya dibina, kompleks berkenaan menjadi tarikan kepada orang ramai dan juga para pelancong.

Sebagai satu langkah bagi membuka tirai baharu, strategi pemasaran Kompleks Yayasan, telah diadakan pelancaran Laman Sesawang dan Media Sosial serta pembukaan beberapa buah kedai baharu, yang menjual dan mempamerkan pelbagai produk di kompleks tersebut, yang telah disempurnakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan Pengerusi Lembaga Pengarah Wadah Amal Sdn. Bhd.

Hadir sama, Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Elinda binti C.A Mohamed selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan juga Ahli Lembaga Pengarah Wadah Amal Sdn. Bhd.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah dan seterusnya Majlis Pelancaran Laman Sesawang, serta Media Sosial dan diakhiri dengan lawatan ke beberapa buah kedai baharu.

Laman Sesawang serta Media Sosial Kompleks Yayasan ini, diharap dapat memberikan informasi terkini mengenai pelbagai aktiviti kompleks tersebut, dan pelanggan sasaran supaya mereka lebih mudah untuk mengenalinya melalui paparan maklumat yang disediakan dan memperoleh manfaat daripadanya.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan Pengerusi Lembaga Pengarah Wadah Amal Sdn. Bhd. ketika melancarkan Laman Sesawang dan Media Sosial serta pembukaan beberapa buah kedai baharu Kompleks Yayasan.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk mengunjungi laman web www.yayasancomplex.com; Facebook The Yayasan Shopping Complex; dan Instagram The Yayasan Complex.

Dengan menggunakan slogan 'Yayasan Shopping Complex: Rediscover A Great Shopping Tradition', beberapa buah kedai baharu yang dibuka adalah BWN Souvenirs Store (sebuah kedai yang mempromosikan produk-produk tempatan dan juga daripada negara-negara ASEAN), Qaisara Dreams, Gildan USA, Mommymart, ViVO Concept Store, Arum, Aura Rich Enterprise, Oud Al Aswad, HIVE

Enterprise, Safiyya Company, Maangaris Enterprise, Koleksi Husna dan An Nuur As Salwaa Beauty & Health Establishment.

Turut diundang semasa perasmian ini ialah Pesuruhjaya Tinggi dan Ketua-ketua Perwakilan Asing daripada sepuluh negara anggota ASEAN.

Juga hadir, Ahli Lembaga Pengarah Wadah Amal Sdn. Bhd.; Pengarah Urusan YSHHB; Pegawai-pegawai Kanan YSHHB dan Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan; penyewa-penyewa Kompleks Yayasan dan agensi-agensi pelancongan.

Tingkatkan azam serta semangat perpaduan

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 September. - Ketua Keagamaan Persatuan PERTIWI, Dayang Hajah Jamilah binti Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Umar, dalam ucapannya menjelaskan agar tahun baharu Hijrah kali ini

memberi makna kepada semua, di samping berharap agar warga persatuan akan dapat meningkatkan lagi azam serta semangat perpaduan, serta membawa persatuan maju ke hadapan dengan berbagai kegiatan berkebajikan kerana Allah



ISTERI Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datin Hajah Zalina binti Haji Omar (tiga, kiri), hadir pada majlis tersebut.

Subhanahu Wata'ala.

Menurutnya, majlis ini merupakan salah satu projek keagamaan tahunan yang diunggayahkan oleh Persatuan PERTIWI, bagi menyambut hari-hari kebesaran Islam di samping majlis-majlis lain yang turut diunggayahkan, seperti tadarus di bulan Ramadan, berdikir, Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan sebagainya.

Beliau berucap demikian di Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1440 dan Meraikan Ahli-ahli Yang Menuaikan Fardu Haji 1439 Hijrah anjuran Persatuan PERTIWI yang berlangsung di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah isteri Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datin Hajah Zalina binti Haji Omar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dipimpin oleh Penceramah dari PDI, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa.

Semasa menyampaikan ceramahnya, beliau mengimbas kembali peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan menghuraikan pengertian hijrah Baginda.

Program Bas Belia akan dilaratkan seBorneo



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa ditemu bual.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 September. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin berkata, Program Bas Belia 2018 yang julung kalinya diadakan di keempat-empat daerah merupakan langkah pertama, yang seterusnya akan dilaratkan kepada Program Bas Belia SeBorneo satu hari nanti.

"Ini adalah langkah pertama bagi belia-belie, di mana kita mulakannya di dalam negeri untuk menjejaki di keempat-empat daerah, dan insyaa Allah ia akan dilaratkan seBorneo," ujar Yang Berhormat ketika ditemui sejurus Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Program Bas Belia 2018 di

Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Menurut Yang Berhormat, kejayaan apa jua projek amat bergantung kepada beberapa perkara, iaitu ianya hendaklah melalui pendekatan 'Whole of Government' dan 'Whole of Nation approach', kerana ia melibatkan stakeholders-stakeholders lain, dan apa yang lebih penting, kejayaan sesuatu projek ini ialah penglibatan belia-belie.

"Alhamdulillah pada kali ini, penglibatan belia-belie tergolong daripada belia-belie yang mempunyai latar belakang yang berbeza, wanita dan lelaki, dan yang paling penting ialah belia-belie dari keempat-empat daerah. Itulah sebabnya kejayaan program ini adalah dari 'Whole of Government' dan 'Whole of Nation

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

Approach' dan juga penglibatan belia-belie yang *iski* kata orang Brunei untuk ikut serta," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menambah, antara objektif program ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada belia-belie mengenai dengan banyak perkara, antaranya dari segi kemasyarakatan, mengetahui mengenai jentera kerajaan, dan yang lebih mustahak ialah sesi interaksi para belia dengan masyarakat, orang-orang kampung dan sebagainya.

Antara perkara penting yang dapat diperolehi daripada program

ini juga, jelas Yang Berhormat, ialah perhubungan dan interaksi serta membina jalinan antara belia-belie keempat-empat daerah dan apa yang diharapkan agar jalinan ini akan berterusan sebagai sahabat dan juga keluarga.

Yang Berhormat turut melahirkan rasa gembira pada mengetahui bahawa program tersebut menerima penyertaan yang sangat menggalakkan daripada para belia dan program berkenaan dirancang akan terus dilaksanakan pada setiap tahun, serta akan dilaratkan bagi Program Bas Belia SeBorneo.

Membentuk belia syumul, cemerlang

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 September. - Program Bas Belia 2018 yang julung kalinya dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Kementerian Pendidikan; Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama Jabatan Daerah di keempat-empat daerah berakhir dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil kepada para peserta program.

Program selama tujuh hari yang bermula 8 hingga 14 September 2018, merupakan salah satu program sampingan bagi memeriahkan lagi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-13 yang telah disambut pada 1 Ogos 2018.

Ia merupakan kesinambungan daripada Program Pertukaran Belia Daerah-Daerah yang mula diperkenalkan pada tahun 2016, dan sebagai salah satu langkah permulaan menuju ke arah pecambahan program ke peringkat Borneo dan mengorak pembentukan belia yang syumul dan cemerlang.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian sijil-sijil ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Berlangsung di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas di sini, majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Awang Tahir Nazim Haddad bin Gabriel Fouad Haddad, wakil peserta dari Daerah Brunei dan Muara.

Wakil-wakil peserta program dari Daerah Brunei dan Muara, iaitu Awang Mohammad Ali Hasan bin Selamat dan Dayang Nurul Jannah Wajihah Hafifah binti Armanshah dalam ucapan mereka antara lain menjelaskan bahawa melalui program tersebut, banyak ilmu yang bermanfaat telah diraih dan memberi mereka kesedaran betapa pentingnya para belia didedahkan dengan pelbagai perisian yang dimuatkan dalam program berkenaan.

"Kami berasa amat bersyukur dan berbangga kerana telah dipilih

mengikuti Program Bas Belia bagi pengambilan yang pertama. Dengan program sebegini akan lebih membuatkan kami sebagai para belia untuk menanam semangat dalam diri dan pendedahan untuk terus berkhidmat kepada masyarakat dan negara," jelas mereka.

Majlis diteruskan dengan persembahan tayangan video Program Bas Belia dan penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta oleh tetamu kehormat dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan sesi bergambar ramai.

Seramai 39 belia, iaitu 27 lelaki dan 12 perempuan berumur antara 16 hingga 20 tahun dari keempat-empat daerah menyertai program berkenaan, dengan 18 daripadanya dari Daerah Brunei dan Muara, enam dari Daerah Belait, 11 dari Daerah Tutong dan empat dari Daerah Temburong.

Program ini mengumpulkan belia dari keempat-empat daerah sebagai lambang perpaduan dan integrasi dengan menjelajah ke seluruh negara, berlandaskan kepada Enam Bidang Strategi Penting dalam Dasar Belia Negara.

Objektif Program Bas Belia ini adalah untuk mendidik dan meningkatkan perkembangan diri, kepimpinan, daya usaha dan persefahaman di samping menanam semangat dalam diri dan pendedahan ke arah berkhidmat kepada masyarakat, serta mengenali lebih dekat identiti, budaya dan masyarakat di daerah-daerah.

Program tersebut telah bermula di Perkampungan Sukan, KSNHB dan bergerak ke Daerah Temburong, Daerah Belait, Daerah Tutong dan berakhir di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Di antara pengisian program termasuk taklimat pengenalan program, sesi suai kenal, sesi pertemuan bersama Yang Berhormat dan Pegawai Daerah di keempat-empat daerah, aktiviti kerohanian dan keugamaan, aktiviti pembangunan diri dan kepimpinan, sesi bual bicara bersama usahawan tempatan, sesi perbincangan berkumpulan, aktiviti sukan dan cabaran fizikal, aktiviti asas keusahawanan,

homestay, aktiviti lawatan dan kebudayaan, aktiviti khidmat kepada masyarakat dan sebagainya.

MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyampaikan sijil kepada peserta Program Bas Belia 2018.



MASTERA angkat martabat bangsa dan negara

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa berucap pada majlis tersebut.

GADONG, Jumaat, 14 September. - Sumbatan dan hasil karya tokoh-tokoh penerima Anugerah Sastera Mastera (ASM) 2018 bukan saja dapat melestarikan aspek budaya dan moral dalam penulisan tetapi pada masa yang sama, juga dapat mengangkat martabat bangsa dan negara masing-masing.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menggariskan perkara itu pada Majlis Perasmian Sidang Ke-24 Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) Seminar

Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara (SAKAT) dan Penyampaian ASM 2018 yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun.

Menurutnya, penganugerahan ini bukan saja sebagai simbol kejayaan peribadi seseorang penulis, tetapi ia lebih berupa suatu pengiktirafan yang menzahirkan rasa penghargaan yang tinggi terhadap komitmen yang diberikan selama ini dalam dunia kesusasteraan dan kegiatannya.

Pada masa yang sama, anugerah berprestij yang disumbangkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam katanya, menandakan sokongan dan dukungan kerajaan negara ini kepada dunia kesusasteraan terutama sekali kepada tokoh-tokoh penulis yang telah diangkat oleh negara anggota MASTERA.

Justeru, penganugerahan seperti itu, tegas Yang Berhormat akan dapat memberikan inspirasi dan motivasi kepada penulis lain khususnya penulis muda untuk terus giat mengasah pena melahirkan sebuah karya yang membanggakan bukan saja di peringkat serantau malah ke

peringkat antarabangsa.

Yang Berhormat juga percaya lebih banyak lagi kejayaan akan dicapai pada masa akan datang dalam usaha untuk melestarikan kesusasteraan Melayu di era Revolusi Industri 4.0 yang tidak mengenali sempadan ini, khususnya dengan menggunakan teknologi informasi dan komunikasi untuk mempromosi semua produk MASTERA kepada negara-negara di luar anggota Mastera.

"Saya melihat perkara ini sebagai sesuatu yang signifikan agar masyarakat di luar sana mengetahui kewujudan MASTERA ini bersama kegiatan-kegiatannya yang seterusnya akan menaikkan lagi pengiktirafan MASTERA oleh negara luar dan antarabangsa ke arah pemartabatan sastera dan Bahasa Melayu," terang Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat berharap hasil penyelidikan dan penterjemahan yang dilaksanakan akan terus diperhebatkan dan diperluaskan lagi jangkauan khalayaknya, melalui kemudahan teknologi maklumat dalam era Revolusi Industri 4.0 agar hasil-hasil seumpamanya dapat dimanfaatkan bukan saja oleh orang-orang sastera tetapi juga oleh seluruh lapisan masyarakat.

Amalkan penyembelihan yang dijamin bersih dan selamat



Oleh : Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan kerjasama Hezlinawati Haji Abd Karim, Meja Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei

PENUBUHAN pusat penyembelihan ternakan ayam sememangnya satu sektor yang diperlukan ke arah menjamin kehalalan dan kebersihan ayam pedaging bagi memenuhi kehendak dan permintaan orang ramai. Atas sebab itulah, seorang pengusaha tempatan mengambil inisiatif untuk mengendalikan pusat seumpama itu, yang juga selaras dengan hajat dan cita-citanya untuk mengembanguaskan industri ternakan ayam pedaging di negara ini.

Terletak di Simpang 362, Kawasan Kemajuan Pertanian Lampaki, Kampung Mulaut, Jalan Limau Manis, Jamahat Haji Liman Abattoir merupakan salah sebuah pusat penyembelihan ternakan ayam milik anak tempatan yang telah beroperasi sejak tahun 2013. Syarikat dimiliki oleh Awang Haji Jamahat bin Haji Liman dengan objektif utama syarikat adalah untuk menyumbang kepada industri ternakan ayam melalui perkhidmatan pusat penyembelihan bagi Negara Brunei Darussalam. Dengan memfokuskan kepada kepentingan kebersihan dan pemakanan yang halal, penubuhan pusat penyembelihan itu juga adalah untuk

menolong memberi perkhidmatan penyembelihan kepada penternak-penternak ladang ayam di negara ini yang tidak mempunyai rumah penyembelihan sendiri.

Rancang Tingkatkan Kapasiti Penyembelihan Ayam

Perusahaan ini mempunyai keluasan 1 hektar dan kapasiti sebanyak 2,500 hingga 3,000 ekor ayam setiap jam atau sebanyak 15,000 hingga 20,000 ekor ayam setiap hari. Perancangan syarikat seterusnya adalah untuk meningkatkan kapasiti penyembelihan ayam dengan penambahan pembinaan loji penyembelihan. Sistem rantai penyembelihan yang digunakan oleh

SUASANA pusat penyembelihan ternakan ayam milik anak tempatan yang telah beroperasi sejak tahun 2013, iaitu Jamahat Haji Liman Abattoir yang terletak di Simpang 362, Kawasan Kemajuan Pertanian Lampaki, Kampung Mulaut, Jalan Limau Manis (atas, kanan dan bawah).

pihak syarikat adalah dengan penggunaan teknologi yang disarankan dengan amalan-amalan kebersihan yang menepati piawaian garis panduan veterinar di bawah pemantauan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Selain itu, pihak syarikat akan dapat meningkatkan lagi perkhidmatan pusat penyembelihan terutama sekali kepada Pengusaha-pengusaha Kecil dan Sederhana (SME) yang menghadapi kesukaran untuk menyembelih dan memasarkan produk-produk hasil ladang mereka.

Peningkatan Pengeluaran

Syarikat ini juga telah menunjukkan peningkatan dalam pengeluaran sebanyak 16 peratus dari tahun 2016 ke tahun 2017, iaitu sebanyak 3,913 MT daging ayam yang meningkat kepada 4,651 MT pada tahun 2017. Anggaran hasil pada tahun 2016 adalah bernilai BND1,173,997 dan anggaran hasil pada tahun 2017 adalah bernilai BND1,395,419. Syarikat ini dianggarkan untuk meningkatkan hasil sebanyak 3 peratus dari tahun 2017 ke tahun 2018, iaitu dari 4,651 MT pada tahun 2017 kepada 4,758 MT pada tahun 2018 dengan anggaran jangkaan hasil bernilai BND1,427,400. Juga dianggarkan dengan kenaikan pengeluaran, pihak syarikat akan dapat mencapai kapasiti

sepenuhnya pada tahun 2020, iaitu 4,867 MT yang bernilai BND1,460,100.

Praktikan Panduan Tata Amalan Veterinary

Pengurus syarikat telah mengusahakan pengambilan pekerja tempatan dan ingin memberi keutamaan dalam penempatan kepada anak-anak tempatan terutama sekali dalam pengurusan dan pentabiran pusat penyembelihan. Jamahat Haji Liman Abattoir juga adalah di bawah pemantauan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan yang mengikuti panduan tataamalan-tataamalan veterinar yang dapat menghasilkan penyembelihan yang dijamin bersih dan selamat bagi seluruh rakyat Negara Brunei Darussalam.

Penutup

Sehubungan itu, pihak syarikat adalah contoh di mana ia dapat menyumbang kepada syarikat SME tempatan dengan perkhidmatan penyembelihan yang berpiawaian, berteknologi tinggi dan berdasarkan amalan yang baik. Pihak jabatan juga menyarankan agar lebih ramai lagi pengusaha tempatan yang lain akan dapat berkecimpung di dalam perusahaan seperti ini agar akan dapat meningkatkan lagi industri ternakan ayam pedaging dan mampu menjana Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).



Lelaki berbangsa Dusun pilih Islam

Oleh : Dk. Siti Redzaimi

Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

TUTONG, Jumaat, 14 September. - Seorang anggota Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) berbangsa Dusun, Zulhasnirol bin Zainal telah melafazkan ikrar Islamnya pada majlis yang berlangsung di Kampung Rambai.

Beliau telah memilih nama Islamnya sebagai Awang Muhammad Zulhasnirol Hasbullah bin Zainal.

Majlis pengislaman juga menyaksikan saudara kepada Awang Muhammad Zulhasnirol Hasbullah iaitu Khairunnizah binti Zaman turut memilih agama Islam sebagai agama pegangan hidupnya dan kini dikenali sebagai Dayang Nur Izzah Saffiyah binti Zaman.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Laksamana Pertama Pengiran Dato Seri Pahlawan Norazmi bin Pengiran



HADIR bagi menyaksikan majlis pengislaman tersebut ialah Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Laksamana Pertama Pengiran Dato Seri Pahlawan Norazmi bin Pengiran Haji Muhammad.

Haji Muhammad.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran diikuti dengan lafaz pengislaman yang dikendalikan oleh para pegawai dari Unit Pengislaman dan

Bimbingan Saudara Baru, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dan diserikan dengan Dikir Marhaban dan disusuli dengan taburan bunga rampai serta penyampaian cenderahati yang disempurnakan

oleh tetamu kehormat majlis.

Turut hadir bagi menyaksikan majlis tersebut, Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Brigadier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, selaku Penghulu

Mukim Telisai dan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah.

Juga hadir ialah pegawai-pegawai ABDB dan pegawai-pegawai dari PDI serta ahli keluarga mereka yang diraikan.

JENESYS promosikan pertukaran pendidikan, kebudayaan

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

(JENESYS) 2018 dipilih untuk dihantar ke Jepun bagi mengikuti Program Pertukaran Belia Sukan Ragbi Jepun-ASEAN bermula 17 hingga 26 September ini.

Pada majlis yang diadakan di Kedutaan Jepun, Kampung Kiulap, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke negara ini, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato dalam ucapannya antara lain menasihati para peserta agar menimba pengalaman melalui program tersebut termasuk mempelajari budaya dan masyarakat negara berkenaan.

Sementara itu, Ketua Delegasi, Dayang Hamizah @ fateen bin Md.Taha ketika berucap menjelaskan bahawa program pertukaran seperti JENESYS ini memainkan peranan penting dalam mempromosikan pertukaran pendidikan dan kebudayaan.

"Ia membuka perspektif baharu, membantu meraikan kepelbagaian

dan memupuk hubungan positif," katanya.

Program yang direka oleh ASEC (Sekretariat ASEAN) dan Kerajaan Jepun dengan bantuan dan kerjasama Japan Rugby Football Union ini bertujuan untuk meningkatkan minat dalam sukan ragbi dalam kalangan negara-negara Asia menjelang penganjuran Piala Dunia Ragbi 2019 yang akan berlangsung di Jepun nanti.

Melalui program ini, para peserta akan menjalankan aktiviti sukan 'Tag Rugby' bersama pelajar-pelajar dari Jepun dan negara-negara ASEAN yang lain, selain berpeluang melawat mercu tanda bersejarah di Jepun dan National Museum of Emerging Science and Innovation.

Program pertukaran ini juga disertai oleh pelajar-pelajar sekolah menengah dari 11 negara ASEAN dan Timor Leste.

AMBD keluarkan Notis Penyediaan Overnight Standing Facilities

Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 September. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mengeluarkan Notis (Notice No : BU/N-7/2018/57 dan BU/N-8/2018/58) mengenai Overnight Standing Facilities AMBD pada Hari Khamis, 3 Muharam 1440 bersamaan dengan 13 September 2018.

Objektif kemudahan ini adalah untuk membantu institusi-institusi perbankan dalam pengurusan kecairan (*liquidity management*), bagi memastikan sistem kewangan Negara Brunei Darussalam efisien dan berkesan.

Notis-notis ini adalah hasil daripada beberapa sesi konsultasi di antara AMBD dengan Persatuan Bank-Bank Brunei (BAB).

Selaras dengan objektif Rangka Tindak Sektor Kewangan Negara Brunei Darussalam (Financial Sector Blueprint) 2016 - 2025, AMBD telah mengambil langkah-langkah dalam menyediakan persekitaran yang kondusif untuk mengembangkannya lagi pasaran kewangan (*money market*) Negara Brunei Darussalam.

Pengeluaran notis ini juga selaras dengan salah satu daripada fungsi AMBD di bawah Perintah AMBD, 2010, iaitu untuk mengembangkannya dan menguruskan sistem dana antara institusi-institusi perbankan, serta menetapkan keperluan-keperluan yang tertentu bagi para peserta sistem perbankan.

Negara Brunei Darussalam komited kepada dasar Lembaga Mata Wang, dan Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang di antara Negara Brunei

Darussalam dengan Republik Singapura.

Oleh itu, AMBD telah memastikan bahawa dalam penyediaan rangka Overnight Standing Facilities ini, instrumen dan operasi yang berhubung dengan kemudahan tersebut adalah selaras dengan prinsip-prinsip Lembaga Mata Wang (Currency Board).

Bagi memastikan kesemua bank di Negara Brunei Darussalam dapat menggunakan kemudahan Overnight Standing Facilities ini, kemudahan patuh Syariah (Kemudahan Pendanaan dan Penerimaan) dan kemudahan konvensional (Kemudahan Pemberian Pinjaman dan Deposit) akan diperkenalkan.

Kemudahan Pendanaan dan Pemberian Pinjaman akan dapat memudahcarakan keperluan kecairan. Manakala, Kemudahan Penerimaan dan Deposit boleh memudahcarakan penyimpanan kecairan berlebihan.

Untuk mendapatkan kemudahan keperluan kecairan dalam Dolar Brunei, bank-bank dikehendaki untuk mencagarkan aset yang berkualiti tinggi. Bagi mendapatkan kemudahan penyimpanan kecairan yang berlebihan, bank-bank boleh menyimpan Dolar Brunei dengan AMBD.

Tempoh bagi kedua-dua kemudahan tersebut adalah secara semalaman. Kemudahan ini ditawarkan kepada semua bank-bank yang berlesen di Negara Brunei Darussalam sahaja.

Bagi maklumat lanjut mengenai dengan AMBD Overnight Standing Facilities, orang ramai boleh memuat turun nota teknikal melalui laman sesawang AMBD www.ambd.gov.bn.



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato semasa berucap pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 September. - Seramai 12 pelajar di bawah Program Pertukaran Rangkaian Pelajar dan Belia Jepun - Asia Timur

MINDA

PEMBACA

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Penyusunan Susu Ibu Asas Kehidupan'. Tarikh Tutup : 19 September 2018
2. 'Pupuk Kesedaran Peraturan Jalan Raya'. Tarikh Tutup : 26 September 2018
3. 'Usaha Menghargai Jasa Guru'. Tarikh Tutup : 3 Oktober 2018

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca,
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510,
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel:
pelita.brunei@information.gov.bn
Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75
Setiap Minggu



Persiapan Bagi Menghadapi Peperiksaan Akhir Tahun

PEPERIKSAAN merupakan asas penilaian yang penting untuk setiap pelajar. Melalui peperiksaan prestasi pelajar dapat dinilai dan diperbaiki dari semasa ke semasa. Pada masa yang sama, peperiksaan adalah sesuatu yang normal yang perlu pelajar hadapi dalam kehidupan bersekolah, jadi tidak perlulah kita khuatir atau takut menghadapinya. Namun begitu, tanpa persediaan yang rapi, peluang untuk mendapat gred yang cemerlang adalah sangat tipis.

Sehubungan itu, Apa Pendapat Biskita sempat menerima beberapa pandangan mereka mengenai dengan persiapan sebelum menghadapi peperiksaan.

"Sebagai seorang pelajar, amat penting untuk saya mahupun pelajar-pelajar lainnya untuk membuat persediaan awal. Jangan sesekali membuat persediaan di saat-saat akhir. Apa yang terpenting kita hendaklah memberikan fokus sepenuhnya kepada mata pelajaran yang kita kurang mahir, agar sebarang kelemahan boleh diperbaiki." - **Faeqah, Tingkatan 6 Gadong.**

"Kehilangan fokus ketika belajar sama ada di kelas atau di rumah boleh membuatkan kita ketinggalan dalam pelajaran. Jangan hanya belajar, tetapi kita perlu faham dan banyak membuat ulang kaji untuk mengukuhkan lagi kefahaman dalam subjek-subjek yang kita pelajari.

"Semua ini juga perlu ada sokongan dari keluarga di rumah juga adalah penting. Para pelajar harus ingat bahawa ibu bapa menjaga dan membesarkan kita, serta berusaha memberikan pendidikan yang sempurna dunia dan akhirat dengan harapan kita menjadi manusia yang berguna. Maka adalah menjadi tanggungjawab kita selaku pelajar bagi memenuhi harapan ibu bapa dan guru-guru dan tidak melakukan perkara yang boleh mengguris hati dan perasaan mereka, dan yang lebih penting lagi selain mengulang kaji mata pelajaran yang kita agak lemah berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala, juga perkara harus kita lakukan berdoa untuk kejayaan di dalam peperiksaan dan agar kita tabah menghadapi peperiksaan yang dihadapi." - **Mohd. Shafiq 'O' Level.**

"Sebelum peperiksaan pastikan saya sering membuat kiraan menurun atau *countdown* menuju peperiksaan. Dengan menulis dan meletakkan ia di tempat yang sering dilihat, seperti di pintu kamar atau di ruang makan di rumah. Ketepikan perkara yang tidak berkait dengan peperiksaan seperti majalah hiburan, alat-alat permainan dan apa jua yang boleh mengganggu fikiran dan mengalihkan fokus kita dari pelajaran. Salah satu cara paling efektif untuk menghadapi peperiksaan adalah dengan sering membuat latihan berulang-ulang dengan soalan peperiksaan tahun terdahulu. Ia akan dapat membantu dan membuatkan kita terbiasa dengan format soalan. Dan jika kita tentukan masa sendiri, secara automatik kita sudah mampu menganggarkan kadar masa untuk menjawab setiap satu soalan agar dapat menjawab semua soalan dalam masa yang ditetapkan."" - **Daniel Ibrahim, Gadong.**

"Tips saya untuk menghadapi peperiksaan di mana seminggu sebelum peperiksaan saya akan memastikan untuk membuat ulang kaji dan baca nota-nota ringkas, yang telah dibuat terlebih awal. Tinggalkanlah kerja-kerja atau aktiviti-aktiviti yang tiada kaitan terutama dengan subjek peperiksaan, seperti membaca majalah atau novel, menonton TV, membuang masa dengan bersantai atau lepak bersama kawan-kawan. Sehari sebelum peperiksaan diadakan, banyakkann berehat dan elakkan diri daripada menghadapi tekanan. Tidur dan bangun awal, segera tunaikan Sembahyang Fardu Subuh, berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya dipermudahkan segala urusan kita menghadapi peperiksaan." - **Herman PT, Meragang.**

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke : pelita.brunei@information.gov.bn

i. Hadapi Kehidupan Baharu Selesai Bergelar Graduan
ii. Kekejaman Terhadap Penderaan Binatang

Sebuah kereta musnah terbakar



SEBUAH kereta jenis Dodge Journey R/T berwarna Light Grey musnah selepas terbakar di Jalan Tengah G17-G18, Lorong 4 Seria.

SERIA, Khamis, 13 September. - Balai Bomba Seria hari ini menerima panggilan kecemasan pada jam 8.56 pagi, berikutan kejadian kebakaran sebuah kereta jenis Dodge Journey R/T berwarna Light Grey yang berlaku di Jalan Tengah G17-G18, Lorong 4 Seria.

Dua buah jentera dikerahkan ke tempat kejadian, dengan lapan orang anggota bomba yang diketuai oleh Pmk. SO Musa bin Haji Yusop.

Sampai di tempat kejadian didapati api besar telah membakar keseluruhan hadapan kereta tersebut, namun api dapat dikawal dalam masa tiga minit.

Ahli-ahli Bomba bertindak memadam menggunakan satu jet hos 64mm ke 38mm dan satu *hose reel* kepunyaan LP/8 bagi memadam kebakaran tersebut.

Pemilik kereta tersebut adalah warga negara asing dan mangsa dalam keadaan selamat dan tidak mendapat sebarang kecederaan.

Anggaran kerugian lebih kurang BND8,000 dan punca api adalah daripada kerosakan ECU (Electric Control Unit) di bahagian enjin.

Sehubungan itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat menasihatkan kepada para pengguna sentiasa memastikan kenderaan mereka dalam keadaan baik dan selamat secara

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Bomba dan Penyelamat

keseluruhan, sebelum digunakan, seperti memastikan tiada sebarang kebocoran dan pam yang boleh menyebabkan pengaliran cecair mudah terbakar pada enjin blok yang panas atau sistem elektrik.

Para pengguna sentiasa memastikan mana-mana pengubahsuaian atau penambahan sistem elektrik enjin dan aksesori kereta serta pendawaian hendaklah mengikut piawaian yang betul oleh mekanik yang bertauliah. Kerana arus elektrik kenderaan yang tinggi boleh menyebabkan kabel terbakar dan kebakaran.

Pengguna jalan raya agar sentiasa lebih berhati-hati serta mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya, seperti arahan papan tanda keselamatan dan lampu isyarat, memberikan tumpuan dan berwaspada ketika memandu, menggunakan tali pinggang keselamatan semasa memandu, peka dan awas terhadap perubahan alam sekeliling seperti hujan, jalan licin dan penglihatan terhad terutama sekali di waktu malam.

Sentiasa mengamalkan sikap bertolak ansur sesama pengguna jalan raya lain bagi mengelakkan sebarang kemalangan.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan hendaklah berhubung terus kepada Pusat Gerakan JBP, melalui talian kecemasan 995 dan memberikan maklumat yang tepat.



LENSA

Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui :
pelita.brunei@information.gov.bn
5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang sagu hati BND50.00.

Tajuk-tajuk akan datang :

1) 'Belia' - Tarikh Tutup : 15 September 2018.

2) 'Tasik' - Tarikh Tutup : 29 September 2018

3) 'Matahari Terbenam (Sunset)' - Tarikh Tutup : 13 Oktober 2018

Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.



Empat tokoh sastera terima Anugerah Sastera MASTERA 2018



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin merasmikan Majlis Perasmian Sidang Ke-24 MASTERA Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara (SAKAT) dan Penyampaian Anugerah Sastera MASTERA (ASM) 2018 (kiri), sementara gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan ASM 2018 kepada Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (Adi Rumi) antara tokoh MASTERA dari empat negara yang menerima anugerah tersebut.

Oleh : Nooratihi Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

GADONG, Jumaat, 14 September. - Seramai empat tokoh Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) dari empat negara, iaitu Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura menerima Anugerah Sastera MASTERA (ASM) 2018. Mereka terdiri daripada Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin

Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (Adi Rumi) dari Brunei Darussalam; Goenawan Susatyo Mohamad (Goenawan Mohamad) dari Indonesia; Sasterawan Negara Dato' Dr. Ahmad Khamal bin Abdullah (Kemala) dari Malaysia dan Encik Isa Kamari (Isa Kamari)

dari Singapura.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan Majlis Perasmian Sidang Ke-24 MASTERA Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara (SAKAT) dan Penyampaian ASM 2018 di Hotel Antarabangsa Rizqun ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri

Paduka Haji Abidin.

Para penerima anugerah menerima hadiah dan pengiktirafan, iaitu wang tunai BND10,000.00, sijil dan plak penghargaan, buku-buku terkini terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), kemudahan untuk menerbitkan karya yang bersesuaian di negara ini khususnya bagi penerima dari Brunei Darussalam dan penterjemahan dan penerbitan karya yang difikirkan sesuai dalam bahasa asing di negara

masing-masing.

Sementara itu, salah seorang penerima ASM 2018, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz dalam ucapannya menekankan, kewujudan orang-orang sastera bagi sesebuah negara adalah perlu.

Menurutnya, para sasterawan adalah golongan patriotik. Mereka menyiram dan membajai patriotisme dengan karya-karyanya.

Justeru itu, Yang Berhormat Pehin menegaskan, dunia sastera perlu dimakmurkan. Pertubuhan-pertubuhan atau badan-badan sastera yang ada dan juga DBP, wajarlah untuk selalu merancang pertemuan-pertemuan di antara para penulis, sambil turut menawarkan peluang kepada peminat-peminat termasuk para siswazah sastera untuk menyedari pertemuan tersebut.

Sidang tersebut yang bermula pada 14 September lalu dipengerusikan oleh Profesor Madya Dr. Hadijah binti Rahmat selaku Pengerusi Serantau Mastera.

Ia merupakan persidangan eksekutif mengesahkan projek-projek permasalahatan, penelitian, penerbitan, penterjemahan, hadiah dan pengiktirafan sastera yang telah dirancang dan diusul dalam Mesyuarat Sekretariat Mastera 2018 dan tindakan lanjut persidangan sebelumnya.

Bantu kerajaan banteras gejala sosial



PENGHULU Mukim Kiudang, Awang Haji Rahim bin Abdullah Yakin (kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Program Awasi Anak Kitani (AAK) anjuran Jabatan Penerangan, melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong, bagi Mukim Kiudang, dengan Kerjasama Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Syarikat IT Protective Security Services (ITPSS) Sdn. Bhd.

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

TUTONG, Khamis, 13 September. - Program Awasi Anak Kitani (AAK) anjuran Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong bagi Mukim Kiudang dengan Kerjasama Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Syarikat IT

Protective Security Services (ITPSS) Sdn. Bhd. diadakan di Pusat Kemasyarakatan Kampung Birau, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi program tersebut ialah Penghulu Mukim Kiudang, Awang Haji Rahim bin Abdullah Yakin.

Seramai 62 orang peserta menyertai program berkenaan, yang terdiri dari Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Ahli Pengawasan Kejiranan Kampung, Takmir Masjid dan Muslimah masjid serta penduduk mukim tersebut.

Dalam ucapan alu-aluannya Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hassanul Hidayat bin Haji Abu Bakar, selaku Pengerusi Program berkata, AAK adalah salah satu aktiviti tahunan Jabatan Penerangan yang dirancang untuk diadakan di mukim-mukim seluruh negara secara berterusan, bagi memberi kefahaman kepada masyarakat, terutama para ibu bapa dan penjaga tentang perkara-perkara yang dikongsi, seperti isu-isu keselamatan, pencegahan dadah dan tips dalam penggunaan IT melalui sesi taklimat dan pameran.

Beliau menambah, walaupun terdapat agensi-agensi yang telah diberikan mandat bagi pembanteras gejala-gejala tidak sihat itu, Jabatan Penerangan atas dasar tanggungjawab, turut sama-sama turun padang bagi membantu kerajaan dalam membantas gejala yang dipandang serius akan kesannya kepada negara dan masyarakat.

Seterusnya, beliau yakin bahawa isu seperti itu adalah lebih baik untuk dicegah dari awal, sebelum merebak dan menyeru semua anggota masyarakat, khususnya para ibu bapa dan penjaga untuk

terus bersikap positif dan bertanggungjawab, serta tidak hanya mengharapkan pihak berkuasa sahaja menanganinya.

Beliau berharap program berkenaan akan mendatangkan kebajikan dan manfaat, keterlibatan semua pihak dalam menangani isu ini, InsyaaAllah akan terus mengekalkan kemakmuran dan keharmonian negara.

Program AAK didahului dengan taklimat dari Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) mengenai peranan dan tanggungjawab jabatan termasuk isu-isu keselamatan dalam negeri di bawah pemantauannya.

Taklimat kedua pula dari Syarikat ITPSS Sdn. Bhd., yang antaranya mengongsikan mengenai tips pengguna bijak dalam penggunaan teknologi termasuk panduan ibu bapa dalam mengawasi penggunaan IT dalam kalangan anak-anak.

Manakala taklimat ketiga ialah mengenai 'Pendidikan Pencegahan Dadah' yang disampaikan oleh Pegawai dari Cawangan Pendidikan Pencegahan Dadah, Biro Kawalan Narkotik (BKN) yang mengongsikan tentang latar belakang BKN, keburukan gejala penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat dan perkhidmatannya kepada orang ramai.

Sesi soal jawab juga diadakan selepas taklimat bagi menguatkan lagi kefahaman para jempunan yang menghadiri program tersebut.

Program AAK diteruskan dengan menyaksikan pameran BKN dan JKDN serta mempromosi Aplikasi Mudah Alih (Mobile Apps) Jabatan Penerangan, iaitu 'InfoDeptBN'.

Program AAK diwujudkan bagi menambah dan meningkatkan lagi kesedaran ibu bapa, tentang pencegahan dan mengawal anak masing-masing daripada penyalahgunaan dadah dan isu-isu keselamatan dalam negeri. Ibu bapa juga memainkan peranan penting untuk mengawasi anak masing-masing, agar tidak terjerumus dengan perangkat dadah dan isu-isu keselamatan dalam negeri.

Ia juga menjurus kepada menyokong salah satu objektif Jabatan Penerangan, iaitu menyampaikan dan membarigakan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan, agar rakyat dan penduduk memahami, menyokong dan menghayati secara berkesan melalui penyampaian taklimat dan pameran.

Selain Program AAK, Jabatan Penerangan juga mempunyai pelbagai program di bawah strategi kerja Komunikasi Bersemuka, seperti Program Sua Muka (Personal Contact), Program Masyarakat Bermaklumat dan Program Muzakarah Penerangan, yang melibatkan kerjasama pihak jabatan bersama agensi-agensi yang berkepentingan, serta masyarakat mukim dan kampung di negara ini.

Sukan

INFO SUKAN

SEKOLAH Menengah Chung Hwa (CHMS) Bandar Seri Begawan (BSB) muncul juara keseluruhan Kejohanan Olahraga Sekolah Menengah dan Maktab Senegara Kali Ke-40 Negara Brunei Darussalam 2018 setelah memungut 27 pingat emas, enam pingat perak dan empat pingat gangsa.



ePaper Pelita Brunei

Atlet Pencak Silat dan Tenpin Bowling SUKMA XIX berlepas ke Perak

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani



PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Zafri bin Haji Mohamed (kiri) memberikan kata-kata semangat dan juga nasihat kepada kontinjen negara sebelum kontinjen berlepas ke Perak, Malaysia bagi menyertai Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) XIX, Perak 2018.

BANDAR SERI BEGAWAN, berlepas ke Perak, Malaysia Perak 2018. Rabu, 12 September. - Atlet bagi menyertai Kejohanan Kontinjen Negara Brunei Pencak Silat dan Tenpin Bowling Sukan Malaysia (SUKMA) XIX, Darussalam seramai 10 orang itu

terdiri daripada dua atlet Pencak Silat bersama jurulatihnya, Awang Hassan bin Haji Tuah dan tujuh atlet Tenpin Bowling bersama jurulatihnya, Awang Ya'akob bin Haji Abu Bakar.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Zafri bin Haji Mohamed serta pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Pada kesempatan itu, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan memberikan kata-kata semangat dan juga nasihat kepada kontinjen negara sebelum mereka berlepas.

Sementara itu, Jurulatih Pasukan Pencak Silat ketika ditemui melahirkan harapan agar dua atlet ini akan mudah masuk pada peringkat akhir dalam SUKMA di

mana pasukan yang sangat memberi saingan kepada pasukan negara setentunya pasukan tuan rumah.

Menurutnya, pasukan negara telah membuat persiapan awal dan membuat latihan berterusan untuk menyertai acara Pencak Silat pada SUKMA bagi Kategori Seni Tunggal Lelaki dan Wanita.

Jurulatih Tenpin Bowling pula berkata, pasukan yang memberi saingan kepada pasukan negara adalah pasukan Sarawak di mana kebanyakannya mereka disertai oleh pelapis pasukan kebangsaan Malaysia.

Menurutnya lagi, mereka sudah membuat latihan dari tahun lepas termasuk menjalani latihan semasa berlangsungnya Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam.

Akhirnya, beliau berharap para atletnya menunjukkan permainan yang bagus dan seterusnya memperoleh kejayaan.

Atlet karatedo sedia hadapi cabaran SUKMA

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BERAKAS, Khamis, 13 September. - Seramai tujuh atlet dan dua jurulatih Negara Brunei Darussalam yang akan menyertai acara karatedo dalam Sukan Malaysia (SUKMA) XIX Perak 2018 berlepas ke Perak, Malaysia. Hadir bagi mengucapkan selamat belayar dan memberikan

kata-kata semangat serta nasihat kepada kontinjen negara sebelum berlepas di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Ketua Pegawai Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Mariam binti Ulat.

Jurulatihnya, Haji Okhida Simangasing ketika ditemui berkata, para atlet yang menyertai acara sukan berkenaan telah membuat persediaan dengan mengadakan latihan secara berterusan selama enam bulan sebelum perlawanan.

Bagi acara sukan tersebut, jelasnya, tiga atlet akan bertanding dalam team Kata, manakala empat lagi akan bertanding dalam team Kumite.

SUKMA XIX Perak 2018 dijadual berlangsung pada 12 hingga 22 September nanti dan tarikh kejohanan bagi acara karatedo pada 15 hingga 17 September.

Kontinjen Negara Brunei Darussalam menyertai sebanyak sembilan acara sukan, iaitu boling padang, lumba basikal, pelayaran, olahraga, pencak silat, taekwondo, tenpin bowling, karatedo dan wushu.



KETUA Pegawai Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Mariam binti Ulat (tujuh, kanan) hadir bagi mengucapkan selamat belayar kepada kontinjen negara sebelum berlepas ke Perak, Malaysia.

Tahukah Awda

JABATAN Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) akan mengendalikan acara Brunei Salebration (BSb) 2018, iaitu acara jualan tahunan kebangsaan pada 1 Disember hingga 13 Februari 2019.

BSb akan diadakan selama 75 hari dan merupakan usaha berterusan pihak kerajaan dalam mempromosi Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi membeli-belah bagi meningkatkan kegiatan perekonomian negara menerusi perbelanjaan dalam negara dan peningkatan aktiviti perniagaan.

SUMBER: Siaran Akhbar Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, 27 Ogos 2018.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SENTIASA BERTAUBAT, BERISTIGHFAR, JANGAN BERPUTUS ASA DENGAN RAHMAT ALLAH

دربیتکن اوله جباتن فترامن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam